

HUBUNGAN SOSIAL, AGAMA DAN ETNIK: SUATU KAJIAN  
DI KALANGAN KOMUNITI PERANAKAN CINA KAMPUNG  
PERINGAT, KOTA BHARU KELANTAN.

OLEH

KOH BOO SIONG

NO. MATRIK 046204

Latihan Ilmiah  
Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-Syarat Untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera.

Jabatan Antropologi Dan Sosiologi,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.

Sesi 1986/87.

## SINOPSIS

Dalam kajian ini penulis menumpukan perhatian terhadap penduduk Cina persanakan di kampung Peringat. Aspek yang ditekankan adalah perhubungan agama dengan identiti etnik. Kajian ini mengandungi 6 bab.

Dalam bab 1 mengandungi pendahuluan, metodologi, kajian-kajian mengenai perhubungan etnik dan kesimpulan. Dalam bab 2 pula mengandungi latarbelakang kawasan kajian. Bahagian-bahagian yang diperlihatkan dalam bab ini adalah kedudukan fizikal kampung Peringat, sejarah perkampungan, taraf pendidikan, kegiatan ekonomi, kepimpinan dan politik, struktur perumahan dan sosio budaya.

Perhubungan etnik di Kampung Peringat dimasukkan ke dalam bab 3. Aspek perhubungan yang ditonjolkan adalah dalam hal politik, sosial dan ekonomi. Didapati proses asimilasi dan intergrasi antara orang Cina dengan orang Melayu tempatan wujud dengan agak baik.

Dalam bab 4 pula membincangkan identiti sosial masyarakat Cina Peranakan Kampung Peringat. Dalam hal ini orang Cina menggunakan peranakan dan perkahwinan, amalan sosial dan ekonomi, keanggotaan persatuan dan politik untuk membezakan dengan orang Melayu tempatan.

Dalam bab 5 dibincangkan agama komuniti Cina peranakan Kampung Peringat. Bab ini mengandungi agama-agama yang utama, penyembahan nenek moyang, upacara-upacara kematian dan perkabungan dan hari-hari perayaan.

Akhir sekali dalam bab 6 adalah kesimpulan kajian ini. Orang Cina peranakan Kampung Peringat tetap mempertahankan identiti kecinaan mereka daripada ditembusi oleh budaya Melayu. Mereka menggunakan agama sebagai sempadan dalam perhubungan dengan orang Melayu.



PENGHARGAAN	1
SINOPSIS	11
KANDUNGAN	1V
<b>BAB 1 - <u>PENGENALAN</u></b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Metodologi	4
1.3 Kajian mengenai perhubungan etnik	10
1.4 Kesimpulan	16
<b>BAB 2 - <u>LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN SECARA UMUM</u></b>	
2.1 Pendahuluan	17
2.2 Kedudukan fizikal Kampung Peringat	20
2.3 Sejarah perkampungan	22
2.4 Pola penempatan dan struktur perumahan	28
2.5 Taraf pendidikan	35
2.6 Kegiatan ekonomi dan pendapatan	41
2.7 Kepimpinan dan politik	47
2.8 Ciri-ciri sosio-budaya	52
2.9 Kesimpulan	56



### BAB 3 - PERHUBUNGAN ETNIK DI KAMPUNG PERINGAT

3.1	Pendahuluan	57
3.2	Perhubungan politik	57
3.3	Perhubungan sosial	63
3.4	Perhubungan ekonomi	80
3.5	Kesimpulan	82

### BAB 4 - IDENTITI SOSIAL CINA PERANAKAN

#### KAMPUNG PERINGAT

4.1	Pendahuluan	83
4.2	Peranakan dan perkahwinan	83
4.3	Amalan sosial	99
4.4	Keanggotaan politik	104
4.5	Keanggotaan persatuan	107
4.6	Kesimpulan	115

### BAB 5 - AGAMA KOMUNITI CINA PERANAKAN

#### KAMPUNG PERINGAT

5.1	Pendahuluan	116
-----	-------------	-----

5.2	Agama-agama utama	116
5.3	Permujaan nenek moyang	129
5.4	Upacara-upacara kematian dan perkabungan	132
5.5	Hari-hari perayaan	138
5.6	Kesimpulan	145
BAB 6 - KESIMPULAN		146
LAMPIRAN GAMBAR		
BIBLIOGRAFI		

1;1 Pendahuluan

Tulisan ini merupakan suatu kajian kes di kampung Peringat. Intipati dalam kajian ini adalah bagaimana orang Cina Peranakan kampung Peringat menggunakan agama dan kebudayaan tradisional mereka untuk memisahkan dirinya dengan orang orang Melayu tempatan. Walaupun begitu perlu diterangkan juga bahawa hubungan sosial antara dua kumpulan etnik ini adalah agak harmoni dan mesra.

Kampung Peringat merupakan sebuah perkampungan Melayu. Di tengah-tengah perkampungan inilah wujudnya sebuah perkampungan Cina Peranakan yang menjadi fokus kajian pengkaji. Memandangkan kepada kedudukan ini, sudah tentulah ia akan memperlihatkan ciri-ciri integrasi dan asimilasi yang agak tinggi dalam aspek sosial, kebudayaan, politik dan ekonomi. Pergaulan yang rapat dan mesra serta harmoni akan wujud di perkampungan ini.

Walaupun didapati proses integrasi dan asimilasi berlaku dengan jayanya namun begitu masyarakat Cina peranakan tetap meneruskan corak kehidupan mereka sebagai orang Cina.



Tan Chee Beng menyatakan

"Apart from language, cuisine, dress and house  
the other peranakan Chinese cultural institutions  
in Kelantan and Terengganu are still very Chinese  
and show a strong continuity in traditional  
Chinese cultural" (1984 : 194)

Apa yang menarik disini masyarakat Cina peranakan telah mencipta budaya Cina dalam iklim Tanah Semenanjung Melayu yang berbeza dari orang Cina yang baru datang dari negeri Cina, yang digelar 'singkeh' atau 'totok' (Mohd Taib Osman ; 1986)

Mereka telah menurunkan 'sempadan' kecinaan mereka tetapi tidak sampai ke tahap diassimilasikan oleh orang Melayu. Tan Chee Beng (1986 ; 192) memanggil mereka sebagai acculturation chinese'. Cuma dari segi agama mereka tetap dengan agama asal dan selepas beratus tahun berapa kerapkah yang memeluk Islam? Dalam masyarakat Cina peranakan (sehingga kajian dibuat) Kampung Peringat hanya tiga orang yang memeluk Islam. Ini membuktikan mereka amat teguh berpegang pada agama asal mereka.

Masyarakat Cina peranan tidak menganggap mereka sebagai orang Melayu. Adalah jelas agama dijadikan sebagai 'sempadan etnik' (ethnic boundry) dalam perhubungan mereka. Sebenarnya jika ditinjau di Malaysia sekalipun agama memang merupakan sempadan yang memisahkan diantara kaum.

Metode-metode itu adalah:

a. Pengkaji ingin melihat sejauhmanakah agama dan upacara-upacara memberi kesan, mengatur dan mengekal sentimen-sentimen tertentu dari satu generasi ke satu generasi lain.

d. Soal selidik

e. Tanahku

#### Kajian Perpustakaan

Pengkaji akan menyiasat kembali kajian yang telah dilakukan oleh pembekal yang lepas. Ini dapat dijadikan garis panduan dalam penyelidikan nanti. Kajian ini penting kerana ia akan memberi gambaran umum mengenai tempat kajian. Ia juga dapat mengesan kelemahan-kelemahan yang dilakukan oleh pengkaji yang lepas tidak berulang lagi.

#### Pemerhatian

Pemerhatian adalah satu-satunya metode yang terawal dan sudah dilakukan. Banyak perkara dan maklumat yang diperolehi melalui metode ini. Pemerhatian digunakan sebagai:

## 1.2 Metodologi

Metodologi merupakan suatu kaedah dalam pengumpulan data. Bagi mendapatkan data beberapa metode akan digunakan. Metode-motode itu adalah:

- a. Kajian perpustakaan.
- b. Pemerhatian
- c. Pemerhatian dan penyertaan
- d. Soal selidik
- e. Temubual

### Kajian Perpustakaan

Pengkaji akan menyemak kembali kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji yang lepas. Ini dapat dijadikan garis panduan dalam penyelidikan nanti. Kajian ini penting kerana ia akan memberi gambaran umum mengenai tempat kajian. Ianya juga dapat memastikan kelemahan-kelemahan yang dilakukan oleh pengkaji yang lepas tidak berulang lagi.

### Pemerhatian

Pemerhatian adalah satu-satunya metode yang terawal dan mudah dilakukan. Banyak perkara dan maklumat akan diperolehi melalui metode ini. Pemerhatian digunakan dengan 2 cara:



1. Melihat secara langsung apa-apa yang penting untuk mendapatkan maklumat. Gerak-geri responden akan dicatat
2. Menggunakannya sebagai counter checking kepada maklumat yang didapati melalui metode-metode lain. Contohnya jika responden menyatakan dia miskin dan ini dapat disahkan dengan melihat keadaan rumahnya.

#### Pemerhatian dan penyertaan

Melalui penggunaan metode ini pengkaji sendiri akan tinggal dan turut serta menyertai kegiatan-kegiatan seharian masyarakat itu sendiri. Oleh itu salah faham dapat diketepikan. Menurut Moser dan Kalton:

"With this method the observer join in the daily life of the group or organisation he is studying. He observe what happen to the members or the community and how they behave and he also engages in conversation with them to find out their reaction to and interpretation of the events that have occurred. He studies the life of the community as a whole the relationship between its members and its activities and institutions."

Pengkaji dijangka tidak akan mengalami masalah yang besar kerana pengkaji merupakan penduduk asal Kampung Peringat. Sejak dari dahulu lagi pengkaji sudah biasa dengan masyarakat Cina ini. Pengkaji mengenali hampir keseluruhan responden.

Soalan-soalan yang dikemukakan kepada responden adalah mudah dan senang difahami. Ini akan menyenangkan responden untuk menjawab soalan dengan tepat. Pengkaji menggunakan dua bentuk soalan iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka.

Soalan tertutup adalah suatu bentuk soalan yang disediakan jawapan untuk dipilih oleh responden. Festinger dan Kat (1953 : 351) berkata :

"..... the possible responses are conditioned in the questions so that the responden merely has to select the category which comes closet to his position."

Bentuk soalan ini digunakan apabila hendak mengetahui latar-belakang responden, pendapatan, harta, jenis-jenis hiburan, perayaan dan lain-lain yang dapat diperturunkan dalam bentuk jadual.



Pengkaji akan membahagikan soalan tertutup kepada dua bentuk yang lain iaitu soalan aneka pilihan dan soalan yang mengandungi dua pilihan. Soalan aneka pilihan beberapa jawapan akan disediakan. Sementara soalan dua pilihan pula mengandungi jawapan 'ya' atau 'tidak'. Responden dikehendaki memilih antara dua pilihan itu.

Sementara itu pula soalan terbuka merupakan bentuk soalan yang memberikan kebebasan kepada responden untuk mengemukakan pendapat atau idea. Menurut Festinger dan Katz, soalan terbuka ialah:

"..... in which the topic given is structured for respondent but he is given the task of answering in his own words, structuring answer as he sees fit and speak at what ever length".

### Temubual

Dalam kaedah ini pengkaji akan menemubual responden secara tidak langsung. Bentuk kaedah ini dirasakan perlu kerana ia dapat memberi penjelasan tentang sesuatu yang tidak dapat diperolehi dengan soalan selidik. Soalan-soalan yang agak sensitif juga dapat dijawab oleh responden dengan cara tidak desedari dan tidak menyakitkan hati responden.



Pengkaji juga merasakan bahawa responden lebih suka bercakap dan berbual dari mengisi soalan soal selidik. Melalui perbualan pengkaji dapat mewujudkan hubungan yang mesra dengan responden dan ini membolehkan pengkaji mendapat maklumat dengan lebih tepat lagi. Penggunaan bahasa loghat Hokkien dan Kelantan dirasakan perlu supaya responden senang berbual-bual dengan pengkaji. Ianya juga dapat mewujudkan rasa kemesraan antara pengkaji dan responden. Sebarang syak wasangka dan prasangka akan terhapus.

### 1.3 Kajian-kajian mengenai perhubungan etnik

Perhubungan etnik adalah satu bidang yang telah mendapat perhatian yang banyak daripada pakar-pakar sains sosial. Karya-karya yang utama termasuk oleh Barth (1955, 1969), Burridge (1959), Goh Kim Huat (1960), Gayi Ness (1964 : 4), Wilson (1967 : 80) dan sebagainya. Barth misalnya telah mengutarakan teori sempadan etnik di mana beliau ingin menjelaskan mengapa dan bagaimana kelompok-kelompok etnik mengujudkan dan mempertahankan identiti etnik masing-masing. Beliau menambah sempadan etnik wujud apabila dua kumpulan yang mempunyai budaya yang berbeza bertembung. Sekiranya terdapat interaksi maka ini akan mengurangkan perbezaan kebudayaan. Burridge (1959) begitu tertarik dengan perbalahan ras. Beliau cuba melihat pergaduhan antara orang Cina dengan orang Melayu di Batu Pahat dalam tahun 1967.

Goh Kim Huat (1960) juga melihat keretakan dalam perhubungan ras. Menurut beliau ekoran daripada pendudukan Jepun perhubungan antara orang Cina dengan orang Melayu tidak harmoni. Didapati sewaktu pendudukan Jepun ramai orang Cina yang menjadi gerila di hutan. Orang Melayu pula menjadi askar untuk menentang gerila-gerila tersebut. Masyarakat Cina Peringat pada waktu pendudukan Jepun juga berada dalam keadaan tidak aman.



Di antara pengkaji-pengkaji lain yang juga melihat dalam aspek perhubungan antara orang Cina dengan orang Melayu adalah Gayi Ness (1964 : 4), dan Peter Wilson (1967 : 30). Mereka mencatat bahawa orang Melayu menganggap orang Cina penipu dan pandai, manakala orang Cina menganggap orang Melayu malas, kurang bercita-cita, bodoh dan tidak suka bekerja keras. Milton J. Esman (1972 : 20) juga begitu tertarik dalam aspek ini. Menurut beliau terdapat interaksi yang sedikit antara orang Cina dengan orang Melayu. Beliau menambah terlalu banyak prasangka dan tidak saling percaya-mempercayai antara dua kumpulan etnik ini. Jadi disini dapatlah dikatakan kebanyakan pengkaji barat lebih suka melihat dari sudut yang negatif sahaja.

Dalam konteks masyarakat kampung Peringat, kenyataan mereka ini ada kebenarannya juga. Walaupun terdapat perhubungan yang harmoni, namun begitu rasa curiga-mengurigai anggapan yang negatif dan prasangka tetap wujud. Tetapi keadaan ini tidaklah begitu ketara sangat berbanding dengan keadaan di bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Ipoh dan Johor Bharu.



Terdapat juga pengkaji-pengkaji yang melihat per-  
hubungan antara komuniti minoriti dengan komuniti dominan,  
misalnya masyarakat Cina peranakan dengan masyarakat Melayu  
atau orang Baba dengan orang Melayu. Diantara pengkaji ter-  
sebut adalah Gosling (1964), Winzeler (1974), Clammer (1975)  
Hanapi Dollah (1978) dan Chee Beng (1979) kesemua mereka  
menumpukan perhatian kepada proses asimilasi dan integrasi  
sahaja. Gosling (1964 : 203-221) misalnya mengkaji proses  
asimilasi di kalangan komuniti minoriti Cina di Terengganu.  
Aspek-aspek yang dikaji adalah dari segi pakaian, makanan,  
perumahan, tingkah laku dan bahasa. Menurutnya aspek-aspek  
ini dipengaruhi oleh budaya Melayu.

Menurut Winzeler komuniti Cina Kampung lebih  
cepat terasimilasi dengan budaya Melayu berbanding dengan  
komuniti Cina di bandar. Menurutnya:

'Upon entering a rural Chinese Village and meeting,  
the inhabitants the observer who is aware of  
cultural and sosial distance between Malays and  
other ethnic Chinese is apt to be impressed by  
how similar these Chinese seem to Malays (1974 :  
51)

Hj. Mohd Saldi Hj Ibrahim dalam tesisnya (1974) menyatakan orang Cina dan Melayu mempunyai ciri-ciri agama, bahasa, budaya serta nilai dan latarbelakang sejarah yang berbeza. Perpaduan sejati di antara orang-orang Cina dengan orang Melayu di kawasannya belum lagi wujud.

Kelompok yang terassimilasi juga menarik perhatian J.R Clammer (1976). Beliau melihat dari sudut sosial dan persoalan Baba Self-Identity dan konsep 'reinifition' di kalangan komuniti Baba Cina. Hanapi Dollah (1978) dalam tesisnya menyatakan proses assimilasi yang wujud di kampung Tebing Sungai Kelantan lebih kuat berbanding dengan yang terdapat di kalangan masyarakat Baba atau Hindu peranakan di Melaka. Komuniti Baba Melaka lebih suka menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa campuran Melayu-Hokkien seperti 'gua-Lu'. Manakala komuniti Hindu peranakan, walaupun menggunakan bahasa Melayu, pakaian Melayu tetapi mereka terpisah daripada masyarakat Melayu. (lihat Narayanasamy 1968 dan Rabeendra 1976 : 1-18) Bagi Hanapi Dollah proses assimilasi belum mencapai peringkat 'successive' lagi. Masyarakat Cina peranakan enggan memeluk Islam kerana mereka menganggap Islam terlalu berat untuk dipatuhi. Namun begitu mereka tetap mempercayai setengah-tengah ajaran Islam seperti sembahyang hajat.



Tan Chee Beng (1984) juga melihat dari sudut asimilasi, akulturasi dan integrasi di kalangan masyarakat Baba di Melaka. Menurut Tan Chee Beng :

"Other than the overt features of language, cooking and dress, Malay cultural influences are not significant in other Baba cultural institutions such as kinship and religion."

Ini menunjukkan dalam banyak hal masyarakat Baba telah di asimilasi dengan budaya Melayu kecuali kekeluargaan dan keagamaan.

"..... Peranakan Chinese cultural institutions in Kelantan and Terengganu are still very Chinese and show a strong continuity in Traditional Chinese culture".

Dalam satu kajian yang menggunakan pendekatan berbeza, Ong Guan Sai (1981/82) tidak melihat dari aspek asimilasi dan integrasi tetapi dari sudut perlanjutan identiti masyarakat Cina Peranakan di Mukim Tendong. Ong Guan Sai menjelaskan agama dan kebudayaan adalah faktor yang terpenting untuk menentukan samada seseorang itu dapat diassimilasikan ataupun tidak. Ong mendapati identiti kecinaan masih kekal lagi dan tetap sebagai orang Cina bukannya orang Melayu atau-



pun Islam. Walaupun mereka telah menerima budaya Melayu serta kehilangan sebahagian daripada aspek-aspek kebudayaan sendiri.

Beliau secara umumnya menyatakan orang-orang Cina Peranakan Mukim Tendong dalam hal tertentu seperti dalam hal kebudayaan lebih mirip kepada orang Melayu. Masyarakat Cina Peranakan juga banyak meresap norma-norma, nilai-nilai, ciri personaliti, amalan sosial dan nilai 'aesthetic' yang mencerminkan masyarakat Melayu kampung. Jadi di sini dapat dikatakan agama dan sistem kepercayaan telah melanjutkan identiti kecinaan komuniti Cina Peranakan. Menurutnya lagi komuniti Cina Peranakan Mukim Tendong belum lagi mencapai peringkat asimilasi yang sebenarnya, namun begitu ia telah menunjukkan satu pencapaian darjah akulturasi yang tinggi. Ini tentu memudahkan proses integrasi ke dalam masyarakat Melayu seperti yang dapat dilihat di Kelantan pada hari ini, berbanding dengan tempat-tempat lain di Malaysia.

Kajian yang sama dilakukan oleh pengkaji. Namun begitu terdapat juga perbezaan dengan kajian yang dilakukan oleh Ong Guan Sai terutamanya dari aspek komposisi penduduk dan objektif kajian. Didapati kawasan kajian Ong terdapat

Orang Melayu, Cina dan Siam. Kedapatan juga Wat atau Ketik yang merupakan institusi pemujaan di Mukim Tendong. Dalam komuniti Cina Peranakan Kampung Peringat tidak terdapat Wat dan penduduknya terdiri dari orang Cina dan Melayu. Pengkaji juga memberi penekanan terhadap perhubungan sosial dan agama sebagai sempadan etnik dan juga sebagai perlanjutan identiti.

#### 1.4 Kesimpulan

Oleh itu dapat dikatakan kajian kajian yang telah dilakukan terhadap komuniti Cina Peranakan di Kelantan belum lagi memadai. Semuga kajian ini dapat sedikit sebanyak memberi gambaran tentang masyarakat Cina Peranakan dan menambahkan khazanah keilmuan.

## BAB 2 LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN SECARA UMUM

### SELANGOR ORANG CINA MELAKUKAN KAJIAN

#### 2.1 Pendahuluan

Bilangan orang Cina di Kelantan ialah 38,626 atau 5.64 % daripada penduduk Kelantan yang berjumlah 684,312 orang (Banci Penduduk Malaysia dan Perumahan 1970). Namun begitu perangkaan penduduk Cina Peranakan di Kelantan tidak di ketahui tetapi mereka boleh dijumpai di kesemua jajahan di seluruh Kelantan.

	18,910	5
Batoh	1,005	1
Pasir Puteh	1,241	-
Tongat	2,381	-
Ulu Kelantan	1,000	-
Jumlah	38,626	36

Daripada jadual diatas didapati bahawa jumlah orang Cina yang tinggal di Kelantan ialah 38,626. Ini termasuklah orang Cina yang tinggal di Kelantan.



Jadual 2.1

Bilangan Orang Cina Mengikut JajahanDi Kelantan

Jajahan	Bil. Orang Cina	Bil. Komuniti
Pasir Mas	3,756	10
Tanah Merah	2,179	4
Machang	3,023	4
Kota Bharu	18,910	5
Bachok	1,095	3
Pasir Putih	1,291	-
Tumpat	2,781	-
Ulu Kelantan	5,591	-
Jumlah	38,626	26

Daripada jadual diatas didapati Jajahan Kota Bharu mempunyai jumlah orang Cina yang paling ramai iaitu 18,910. Ini kerana Kota Bharu merupakan bandar yang terbesar

di Kelantan dan merupakan tempat tumpuan orang ramai. Tumpuan orang Cina di bandar ini ada kaitannya dengan perniagaan. Jajahan yang orang Cina paling sedikit adalah Bachok. Bachok biasanya menjadi tumpuan orang Siam bukannya orang Cina.

Sebenarnya sejarah kedatangan orang Cina ke Kelantan masih lagi belum dapat dikesan dengan tepat. Menurut R.O Winsteat (1959 : 19) orang Hokkien yang berasal dari Amoy merupakan orang Cina yang terawal sekali berhijrah ke seberang laut. Gosling (1964 : 204) juga menyatakan orang Cina Hokkien merupakan golongan yang terawal datang ke Kelantan. Penempatan terawal orang Cina di Kelantan dikesan di Pulau, Ulu Kelantan. Tarikh penempatan mereka di Pulau tidak dapat ditentukan (Middle brook 1933 : 151-156).

Kemasukan orang Cina ke Kelantan melalui jalan darat dan laut. Melalui jalan darat mereka menyusur melalui Pattanni, Selatan Siam (Hj. Mohd Saldi Hj. Ibrahim 1974/75 : 10) Orang-orang Cina yang datang melalui laut kemudiannya menyusur tebing Sungai Kelantan menuju ke Kawasan-kawasan lain.

## 2.2

### Kedudukan Fizikal Kampung Peringat

Kampung Peringat adalah di dalam Mukim Peringat, Daerah Peringat dan jajahan Kota Bharu. Jaraknya dari bandar Kota Bharu adalah 14 km (9 batu). Kedudukan Perkampungan ini adalah di jalan Kota Bharu - Pasir Putih.

Dewasa ini kampung ini mengalami perubahan yang pesat. Satu projek pembinaan jambatan dan meninggikan jalan utama sedang dilakukan oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Adalah dijangkakan apabila siapnya projek itu kampung Peringat tidak lagi diancam banjir. Jalanraya tersebut dapat digunakan sepanjang tahun.

Di dalam Kampung Peringat terdapat sebuah perkampungan orang Cina peranakan. Penduduk kampung ini juga mendirikan rumah di sepanjang jalan utama yang menghubungkan Pasir Putih dengan Kota Bharu.



Kampung Cina Peringat terbahagi kepada dua kawasan. Walaupun begitu ini tidak menunjukkan ianya merupakan kampung yang berasingan. Pertama dinamakan Kampung Cina Peringat Hulu dan satu lagi Kampung Cina Peringat Hilir. Pembahagian kampung ini adalah berdasarkan kedudukannya satu di bahagian hulu dan satu lagi di bahagian hilir. (lihat peta 1)

Peringat Hulu mempunyai 18 buah rumah dengan jumlah penduduknya 120 orang. Peringat Hilir pula mempunyai 33 buah rumah dengan penduduk yang berjumlah 181 orang. Di kawasan hilir ini terdapat sebatang jalanraya yang tidak berturap dan sebatang sungai yang merupakan tempat sumber perikanan.

Oleh yang demikian kita dapati jumlah penduduk Kampung Cina Peringat adalah 301 orang dengan 51 buah rumah. Pada puratanya sebuah rumah mempunyai 5:8 orang, kegiatan ekonomi yang utama penduduk disini adalah sama dengan penduduk Melayu tempatan iaitu menjadi petani. Lain-lain pekerjaan adalah membuka bengkel keretamotor, makan gaji, menoreh getah dan bertukang.

Dari segi politik penduduk disini merupakan penyokong kuat parti pemerintah. Kampung ini adalah di bawah pengawasan seorang penghulu Melayu dan seorang pengawa juga berbangsa Melayu.

Secara fizikalnya perkampungan Cina ini terletak di tengah-tengah masyarakat Melayu. Rumah orang Melayu didirikan di sekeliling kampung ini. Oleh yang demikian proses adaptasi dan asimilasi akan terjadi. Menurut Hanapi Dollah ragam pengeluaran yang sama antara dua kumpulan etnik ini menyebabkan berlaku prosesnya asimilasi. Ragam pengeluaran di sini bermaksud kedua-dua kumpulan etnik ini menjalankan kegiatan pertanian. Menurut Hanapi lagi Orang Cina bandar tidak mengalami proses asimilasi kerana ragam pengeluaran mereka adalah perdagangan dan ini berbeza dengan pekerjaan orang Melayu. (lihat Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf 1985 : 279)

### 2.3 Sejarah Perkampungan

Untuk mendapatkan maklumat tentang peranakan Cina di kampung ini adalah sukar. Pengkaji menghadapi masalah untuk mendapatkan orang yang mengasaskan peranakan Cina di situ. Ini



disebabkan oleh beberapa sebab, diantaranya adalah ramai orang tua telah lama meninggal dunia dan ramai orang tua yang buta huruf. Mereka tidak dapat membuat sebarang catatan sesuatu ianya diceritakan oleh nenek moyang mereka. Oleh itu mereka bergantung pada ingatan semata-mata. Ada diantara mereka yang telah lupa tentang cerita peranakan Cina ini.

Jadi mungkin maklumat yang didapati tidaklah sempurna, namun begitu ianya cukup untuk mencari susurgalur peranakan Cina di Kampung Peringat.

Jika ditinjau dari segi sejarah didapati kedatangan secara beramai-ramai migrasi Cina ada kaitannya dengan kewujudan peranakan Cina disini. Penemuan bijih timah di Larut menjadi faktor utama kedatangan mereka ke Semenanjung, kemudian penyebaran mereka mulai meluas ke kawasan lain termasuklah Kelantan. Melalui jalan-jalan sungai mereka mencari tempat kediaman.



Peranakan Cina Kampung Peringat wujud lebih kurang 150 tahun dulu. Dikatakan kaum Tan yang mula-mula mengasaskan penduduk Cina di kampung ini. Nenek moyang 'Tan' berasal dari China. Mereka datang dan tinggal dengan raja Melayu di Bukit Marak. Tujuan mereka adalah untuk mendapat perlindungan. Disebabkan mereka baru datang maka raja Melayu itu menggelarnya sebagai 'Baru'. Mereka juga tidak tahu berbahasa Melayu. Pekerjaan utama mereka adalah menjual sيره, kelapa kering, pinang kering, dawai, baju dan sebagainya. Mereka akan berjaja dari rumah ke sebuah rumah. Sewaktu pulang mereka akan memberi sesuatu untuk diberi pada raja. Dikatakan raja amat sayang pada mereka, kemudiannya baginda memberi Si Baru isteri yang berbangsa Melayu. Menurut adat dulu sesiapa yang berkahwin dengan orang Melayu tidak payah memelok agama Islam. Oleh itu mereka tetap dengan agama masing-masing walaupun telah berkahwin dengan orang Melayu.

Apabila berlaku kematian isteri mereka akan dikebumikan oleh saudara mara yang beragama Islam. Sementara Si Baru ini dikebumikan oleh orang-orang Cina. Jesteru itulah dapat dikatakan jenerasi 'Tan' adalah mempunyai nenek moyang orang Melayu.

Dikatakan Si Baru ini kemudiannya berpindah pula ke Kampung Sungai Limbat yang merupakan kawasan kampung Cina Peringat sekarang. Disitu mereka juga menghambakan diri dengan raja Melayu tempatan. Menurut orang-orang disitu raja tersebut bernama Long Gafar.

Raja tempatan dulu dikatakan mempunyai kuasa untuk menghukum seseorang. Baginda Long Gafar pernah menjatuhkan hukuman bunuh keatas seorang pedagang yang memasuki kawasan baginda melalui Sungai tanpa meminta izin terlebih dulu. Sehingga sekarang tempat penggantungan pedagang itu berpuaka.

Pewarisan nama 'Tan' kemudiannya dilanjutkan oleh cucu cicitnya. Diantaranya adalah Tok Kas (Kho Ku Kau), Tok Tolika (Tan Beng Hee) dan Tok Pek Toak (Tan Toak). Mereka yang melanjutkan jenerasi 'Tan' hingga hari ini. Apa yang menghairankan mengapakah mereka bergelar 'Tok'. Lain-lain orang tua yang dianggap terawal menetap di Peringat adalah Tok Se'rah, Tok Songkok (Khoo Teng Lai) dan Tok Poa Tuan (Oi Nek Tuan).

Kedatangan orang-orang Cina selanjutnya dari Tanah Besar China diberi perlindungan oleh kaum 'Tan'. Jadi mereka tidak payah lagi menetap dan menghambakan diri pada raja Melayu tempatan.

Keluarga 'Lee' juga merupakan kaum terawal menetap di Peringat. Tetapi kedatangan mereka lebih terkemudian dari kaum Tan. Nenek moyang keluarga Lee tidak menetap di Limbat ataupun Peringat, cuma cucu cicit mereka yang datang dan menetap dengan raja Melayu tempatan. Oleh itu mereka dengan senang membeli membeli tanah yang kepunyaan raja. Jesteru itu



lah warisan 'Lee' sekarang memiliki tanah yang luas di kampung Peringat. Dikatakan Lee Ban Sung dari kaum 'Lee' yang terawal sekali menetap di situ.

Selepas itu barulah orang-orang Cina menuju ke Kampung Peringat. Kemudian timbullah berbagai-bagai pangkal nama di situ. Diantaranya adalah pangkal 'Koh', 'Icho', 'Lau', 'Sor', 'Kang', 'Lua', 'Chia', 'Yong', 'Wie', 'Ohn', 'Low', 'Teng', 'Chiok', 'Lim' dan 'Uai'.

## 2.4

Pola Penempatan dan Struktur Perumahan

Adalah menjadi kebiasaan bagi orang-orang Cina kampung untuk mendirikan rumah mereka di tepi jalanraya, lorong, sungai, taliair dan sepanjang pantai. Begitu juga halnya dengan penduduk kampung ini. Mereka mendirikan rumah di sepanjang jalan Kota Bharu-Pasir Putih (lihat Peta 1). Bagi Ooi Jin Bee (1968 : 171) penempatan sedemikian dinamakan penempatan berjajar. Susunan atau pola penempatan orang-orang Cina di sini sama dengan penempatan orang Melayu. Keadaan ini bertentangan dengan pendapat Ooi Jen Bee yang menyatakan pola penempatan orang Melayu dengan orang Cina adalah berbeza.

Struktur rumah orang Cina peranakan adalah berbeza dengan struktur rumah orang Melayu terutama di bahagian dalamnya. Bentuk rumah orang Cina adalah melengkung seperti pagoda di bahagian bumbungnya. Daripada 50 buah rumah yang dikaji, didapati 25 buah masih lagi menggambarkan identiti kecinaan. Kebanyakan rumah ini menyerupai rumah Melayu dan terdiri daripada rumah kedai.

Hampir keseluruhan rumah orang Cina di sini berbentuk empat segi dan saiz rumah bergantung kepada kedudukan ekonomi dan sikap seseorang terhadap rumah. Bahan-bahan binaan untuk membuat rumah adalah biasanya kayu, simen, atap sagu, asbestos ataupun zink.

Masyarakat Cina peranakan Kampung Peringat terutamanya di kalangan golongan tua amat berpegang teguh kepada peraturan dan upacara-upacara tertentu. Dalam pemilihan tapak rumah dan masa yang sesuai untuk melakukan pembinaan, lazimnya terdapat pantang larang dan peraturan yang tertentu. Pemilihan tersebut biasanya dilakukan oleh orang-orang tua kerana mereka tahu tentang 'hari baik' atau 'hari tidak baik'. Serta tapak yang sesuai bagi sesebuah rumah. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada pengalaman dan petunjuk dari nenek moyang. Kerja-kerja tersebut juga dilakukan oleh Tok Jinjang (Tang Ki) atau sami (Phoa Than). Menurut kepercayaan mereka jika peraturan-peraturan tersebut tidak dipatuhi dan upacara tidak diadakan maka penghuni tersebut akan ditimpa bala atau kemalangan dan rumahtangga tidak aman. Kepercayaan seperti ini sama dengan kepercayaan orang Melayu sekeliling.



Jadual 2.2

Tujuan peraturan dan upacara memulakan pembinaan sesebuah rumah di Kampung Peringat.

Peraturan dan upacara	Tujuan
1. Hari meletak kerja.	Supaya pembinaan rumah tersebut tidak tergendala.
2. Pemilihan tapak rumah	supaya penghuni rumah tersebut dalam keadaan baik dan bahagia.
3. Upacara jampi	mengelakkan dari kecelakaan seperti kebakaran, ribut atau kemalangan jiwa.
4. Pulut kuning dan bertih	untuk hidangan kepada semangat rumah.
5. Beras kunyit	untuk menghalau hantu-hantu jahat yang mengganggu penghuni rumah tersebut.

Sesebuah rumah Cina yang 'typical' terdiri dari 2 bahagian, iaitu rumah ibu dan rumah dapur. Pembinaan sesebuah rumah bermula dengan membina rumah ibu dan diikuti dengan rumah dapur. Rumah itu biasanya dibina dari bahan binaan yang lebih baik dari rumah dapur dan mengandungi 2 bilik. (1) Di tengah rumah dijadikan ruang tengah (thia). Di bahagian hadapan rumah ibu terdapat serambi yang tidak berdinging yang dikenali sebagai serambi atas. Di bawah serambi atas terdapat satu lagi serambi yang lebih kecil yang dipanggil serambi bawah. Serambi atas disambung pada rumah ibu manakala serambi bawah dibuat berasingan. Tangga terletak di tengah-tengah rumah bersetentangan dengan pintu besar. Daun pintu besar (tuaa mui) terdapat 2 keping iaitu di kanan dan di kiri. Di ruang tengah (thia) diletakkan tempat pemujaan (altar). Di dinding dan pintu-pintu ditampal dengan lian (2) bagi membezakan secara langsung dengan rumah orang Melayu sekitar.

- 
- (1) jumlah bilik bergantung kepada saiz rumah dan citarasa tuan punya rumah.
  - (2) lian adalah kertas merah yang ditulis dengan tulisan Cina. Biasanya ditulis dengan kata-kata yang baik agar mendatangkan rezeki kepada penghuni rumah.



Bahagian-bahagian rumah yang disebut diatas mempunyai fungsi-fungsi masing-masing:

### 1. Bilik Tidur (Pang Keng)

Pada kebiasaannya, kedua-dua bilik tidur adalah digunakan untuk tidur pada malam hari sahaja. Bagi orang Cina konsep kiri dan kanan adalah penting. Masyarakat Cina percaya darjat sebelah kiri lebih besar (tua peng) daripada sebelah kanan (say peng). Jesteru itu bilik ibubapa diletakkan di sebelah kiri manakala bilik ahli keluarga yang lain di sebelah kanan. Di sini saya juga menyokong tulisan Ong Guan Sai dalam tesisnya tentang komuniti Cina Peranakan di Mukim Tendeng. Ong Guan Sai telah mengkritik tulisan Hanapi Dollah berkenaan dengan konsep kiri dan kanan. Tafsiran Hanapi Dollah yang menyatakan bilik sebelah kanan untuk ibubapa dan bilik kiri untuk ahli keluarga yang lain adalah tidak tepat. Saudara Hanapi tidak menyedari bahawa beliau terpaksa membelakangkan rumah dalam mentafsir sebelah kanan dan kiri, bukannya berhadapan rumah. Jadi tulisan Ong Guan Sai dapat dikatakan lebih tepat.

### 2. Ruang Tengah (thia)

Ruang ini lebih merupakan sebagai dewan kerana kebanyakan aktiviti sosial dan keagamaan berlangsung di ruang ini. Ruang tengah adalah tempat menyembah dewa (Tok Kong) kerana diruang inilah diletakkan meja menyembah. Ruang ini



juga berfungsi sebagai tempat meraikan perkahwinan ataupun menyambut hari ulangtahun kematian (choo kee).

### 3. Ruang Dapur


Ruang dapur adalah khas untuk tempat menyediakan makanan, tempat makan dan tempat membasuh pinggan mangkuk.


### 4. Serambi

Pada asalnya bahagian ini merupakan bahagian yang paling berfungsi sekali. Kedua-dua serambi digunakan untuk berehat atau tidur di siang hari, menyambut tetamu, berbual dan tempat anak-anak bermain. Bila hari kenduri-kendara. Bahagian ini dijadikan tempat menghidang makanan ataupun tempat sami membaca doa.

Menurut Umar Yunus (1971 : 249) bentuk puncak bumbung-bumbung dan pelan lantai rumah orang Cina seakan-akan dengan Rumah Gadang di Minangkabau. Namun begitu tiada kaitan antara orang Cina dengan orang Minangkabau. Ini merupakan satu kebetulan sahaja. Sebenarnya rumah orang Cina dipengaruhi oleh bentuk rumah orang Siam. Rumah orang Siam mempunyai puncak bumbung yang melengkung ke atas dan pelan lantainya berbentuk empat persegi bujur. (Abdul Rahman bin Sulaiman 1969 : 72-78)

Secara umumnya orang Cina masih lagi cuba membezakan bentuk rumah mereka dari rumah orang Melayu. Mereka masih mengekalkan identiti kecinaan dan menyebabkan orang luar senang membezakan antara rumah orang Cina dengan rumah orang Melayu.





PETUNJUK

A - ALTAR

B - BILIK

P - PINTU

T - TINGKAP

RD - RUANG DAPUR

RT - RUANG TENGAH (THIA)

SA - SERAMBI ATAS

SB - SERAMBI BAWAH



## 2.5 Taraf Pendidikan

Daripada jadual di bawah didapati 44 % responden adalah buta huruf. Oleh yang demikian dapat dikatakan hampir separuh daripada responden yang dikaji tidak bersekolah. Walaupun begitu ini tidak bererti mereka tidak dapat mengikuti perkembangan pembangunan negara. Mungkin dari segi akademik mereka jauh ketinggalan tapi mereka berpengalaman tentang kehidupan. Perkembangan negara dapat diikuti melalui perbualan sesama mereka di kedai kopi ataupun berbual-bual di waktu lapang.

Didapati juga 26 % responden pernah belajar di Sekolah Melayu rendah dan dewasa. Oleh itu mereka tahulah sedikit sebanyak membaca dan menulis. Daripada 50 orang responden yang ditemuramah hanya 6 % sahaja yang mempunyai taraf akademik yang lebih iaitu mencapai peringkat sekolah menengah. Mereka ini terdiri daripada golongan-golongan muda. Tetapi pencapaian mereka hanyalah setakat diperingkat tingkatan 3 dan tingkatan 5. Satu hal yang patut dihormati mengenai responden disitu adalah kesedaran mereka tentang kepentingan pelajaran. Boleh dikatakan hampir 100 % anak-anak mereka yang belajar sehingga Sekolah Menengah. Mereka menghantar anak-anak mereka ke sekolah Melayu dan Cina.

Jadual 2.3Jadual menunjukkan taraf pendidikan Komuniti CinaKampung Peringat.

Jenis aliran persekolahan	Bilangan	Peratus (%)
1. Sekolah Melayu (rendah dan dewasa)	13	26
2. Sekolah Melayu (menengah)	6	12
3. Sekolah Cina (rendah)	9	18
4. Tak bersekolah	22	44
Jumlah	50	100



Bagi mereka yang lebih berada anak-anak mereka dihantar ke sekolah Cina. Ini kerana kos pembelajaran di sekolah tersebut lebih tinggi berbanding dengan sekolah Melayu . Tambahan pula sekolah tersebut hanya terdapat di bandar Kota Bharu. Kos pembelajaran yang harus ditanggung oleh ibubapa adalah yuran persekolahan, buku-buku teks dan kos pengangkutan. Penghantaran anak-anak mereka ke sekolah Cina jelas membuktikan bahawa komuniti disitu masih inginkan anak-anak mereka tahu bahasa mandarin.

Daripada jadual disebelah hanya 16 % responden yang pernah belajar di sekolah Cina. Jadi mereka tahulah sedikit sebanyak membaca dan menulis dalam bahasa mandarin. Responden yang dapat belajar di sekolah ini mungkin dahulu mereka tinggal di Kota Bharu, kemudian berpindah ke kampung Peringat.

Secara keseluruhannya komuniti Cina Kampung Peringat boleh membaca adalah 56 % . Perlu diingatkan peratusan ini berdasarkan maklumat yang didapati dari responden. 44 % yang tidak bersekolah kebanyakannya terdiri dari orang-orang tua.



Jadual 2:4

Sebab-sebab meninggalkan bangku sekolah

Sebab-sebab meninggalkan Sekolah	Bilangan	Peratus (%)
1. Tidak mampu	10	20
2. Gagal dalam peperiksaan	8	16
3. Tidak berminat	3	6
4. Perang Dunia ke 2	4	8
5. Dilarang oleh ibubapa	1	2
6. Sejak dulu tidak bersekolah	24	48
Jumlah	50	100

sekolah Kelabgama Padang Kala. (3)

(3) Jaraknya dari Kempong Peringat adalah 2 batu. Dalam lannya berhubungannya akan maha ja.

Terdapat berbagai-bagai sebab yang diberikan oleh responden mengenai kegagalan mereka untuk melanjutkan alam persekolahan. 24 % daripada responden menyatakan sejak dulu lagi mereka tidak bersekolah. Ini menunjukkan sejak di zaman kanak-kanak mereka tidak menjejaki alam persekolahan. Ini kerana waktu dulu tiada kemudahan-kemudahan seperti sekolah, jalanraya, pengangkutan, guru-guru dan kesedaran ibubapa. Ibubapa mahukan anak-anak mereka menjadi sepertinya. Ini bererti jikalau mereka berniaga maka anak mereka pun mesti berniaga juga. Oleh kerana itu kesedaran tentang pentingnya pelajaran jelas tidak ketara dikalangan orang-orang Cina Kampung Peringat dahulu.

Orang-orang Cina dahulu juga berasal dari Tanah Besar China ataupun dikenali sebagai 'totoks' atau Tjinas (Clammer 1980 : 3) Jadi mereka terpaksa mengambil masa yang lama untuk adaptasi dengan keadaan di situ. Lagipun pada waktu itu sekolah Melayu begitu sedikit bilangannya, tambahan pula terletak jauh dari perkampungan komuniti Cina Peringat. Menurut responden sekolah yang tunggal dan terdekat adalah sekolah Kebangsaan Padang Kala.(3)

- 
- (3) Jaraknya dari Kampung Peringat adalah 2 batu. Dulu, ianya berbumbungan atap sahaja.



20 % menyatakan keluarga mereka tidak mampu membiayai perbelanjaan persekolahan mereka. Ini memang ada benarnya yang keluarga mereka miskin. Ini kerana penghijrahan mereka dari China tidak membawa apa-apa harta. Mereka hanya datang sehelai sepinggang sahaja. Jadi di Tanah Melayu, mereka hanya menumpang dengan penduduk tempatan atau raja tempatan. Perang Dunia ke II juga turut membantut alam persekolahan mereka. Pada waktu itu semua sekolah ditutup. 8 % menyatakan mereka tidak bersekolah kerana perang itu. 16 % responden berhenti sekolah kerana gagal dalam peperiksaan. Responden ini dari jenerasi yang agak baru. Lain-lain sebab mereka meninggalkan sekolah adalah dilarang oleh ibubapa (2 %). Tapi sikap ini hanya kecil sahaja bilangannya.

Jika dilihat daripada kedua-dua jadual ini memang jelas hubung kaitnya. Kita dapati 40 % daripada 50 orang responden yang ditemui menyatakan mereka tidak pernah bersekolah. Sementara 56 % pula pernah bersekolah. Sebab utama mereka tidak bersekolah adalah keadaan di masa itu yang tidak mengizinkan mereka ke sekolah. Lain-lain sebab seperti tidak mampu, tidak berminat, perang dunia ke 2, gagal dalam peperiksaan dan dilarang oleh ibubapa sebanyak 51 %.



## 2.6 Kegiatan ekonomi dan pendapatan

Jadual disebelah adalah menggambarkan jumlah pendapatan yang diperolehi oleh responden dalam sebulan. Secapa umumnya pendapatan responden adalah dalam lingkungan \$100 ke \$400 sebulan. Pendapatan ini boleh dikatakan sederhana sahaja ataupun cukup hidup sahaja. Kita dapati jumlah pendapatan antara \$301 hingga \$400 merupakan tahap jumlah pendapatan yang tertinggi sekali (26.5 %). Sementara mereka yang berpendapatan antara \$101 - \$200 sebanyak 24 %. Golongan yang dapat dimasukkan dalam kategori berada adalah 24.4 %.

Jika dirujuk kepada garis kemiskinan negara di-dapati lebih dari separuh (50.9 %) daripada responden berada diatas garis tersebut. Garis kemiskinan negara adalah lebih kurang \$300. Sementara 49.1 % berada di bawah garis kemiskinan tapi dalam ertikata sebenarnya, mereka adalah tidak miskin. Mereka masih mempunyai sumber kewangan yang lain seperti dari anak-anak. Kebanyakan daripada mereka ini adalah petani. (lihat jadual 2.6)

Jadual 2.5Jadual menunjukkan jumlah pendapatan sebulan responden

Sela kelas (\$)	Ulangan	%
501 ke atas	6	12.2
401 - 500	6	12.2
301 - 400	13	26.5
201 - 300	8	16.3
101 - 200	12	24.6
0 - 100	4	8.2
Jumlah	49	100

Jadual 2.6Jadual menunjukkan jenis-jenis pekerjaan komuniti CinaKampung Peringat.

Jenis Pekerjaan	Bilangan	%
1. Petani (tanam padi, berkebun sayur, menoreh getah)	19	38
2. Mekan gaji. a) Bekerja dengan kerajaan b) Bekerja dengan orang perseorangan & syarikat	0 8	0 16
3. Bekerja sendiri, (bengkel kereta motor, tukang kayu, kedai runcit, tukang gambar)	22	44
4. Tidak bekerja (bantuan dari anak)	1	2
Jumlah	50	100



Dari segi pendapatan memang benarlah jumlahnya rendah tapi segi kos hidup ataupun perbelanjaan harian mereka tidak tinggi. Mereka tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan harian yang tinggi. Mereka menanam sayur-sayuran bagi menampung keperluan dapur. Mana-mana hasil yang berlebihan akan dijual dan ini menambahkan pendapatan mereka.

Golongan menengah atau atasan hanya 12.2 % sahaja. Pendapatan mereka adalah lebih daripada \$500 sebulan. Kebanyakan daripada mereka adalah terlibat dalam bidang perniagaan.

Kebanyakan daripada komuniti Cina kampung Peringat adalah bekerja sendiri (44 %). Pekerjaan ini termasuklah membuka bengkel keretamotor, tukang kayu atau tukang rumah, kedai runcit dan tukang gambar. Walaupun begitu mereka menghadapi berbagai masalah. Misalnya mereka yang membuka bengkel kereta menghadapi masalah persaingan dari orang lain dan masalah pelanggan yang berhutang. Oleh itu pendapatan mereka adalah sekadar cukup hidup sahaja iaitu dalam lingkungan \$400 sebulan (lihat jadual 2.5)

Petani menduduki tangga kedua dari segi peratusan orang yang terlibat dalam bidang ini. Peratusannya adalah 38 % Petani disini merangkumi orang menanam padi, menoreh getah dan berkebun sayur. Mereka ini rata-ratanya miskin dan berpendapatan dibawah \$300 sebulan . Pemberian baja subsidi, benih dan racun rumput-rumpai mungkin dapat mengurangkan beban kos perbelanjaan menanam padi.

Nampaknya komuniti Cina Kampung Peringat tidak ramai yang bekerja dengan kerajaan atau orang perseorangan. Mereka yang bekerja dengan kerajaan 0 %. Ini membuktikan taraf pendidikan responden adalah rendah. Ini kerana jika hendak pekerjaan memerlukan kelayakan akademik. Mereka yang bekerja dengan orang perseorangan atau syarikat hanyalah 16 % sahaja. Ini sesuai dengan mereka kerana syarikat tidak mementingkan sangat kelayakan akademik tapi mementingkan pengalaman.

Responden yang tidak bekerja adalah dua peratus sahaja. Mereka sudah tua dan tidak larat lagi hendak bekerja. Walaupun begitu mereka mendapat bantuan kewangan dari anak-anaknya.



Berdasarkan kepada jadual pekerjaan dan pendapatan, kita dapat simpulkan bahawa kedua-dua angkubah ini saling berkaitan. Bagi mereka yang menjadi petani sudah tentulah pendapatan bulanan mereka lebih rendah dari mereka yang bekerja sendiri ataupun berniaga. Kemelesetan ekonomi negara sekarang ditambah pula dengan kadar inflasi yang semakin menaik sudah tentu memberi pukulan yang hebat kepada rakyat negara ini amnya dan kepada komuniti Cina Kampung Peringat khususnya.

Daripada keempat-empat jadual, tersebut ianya tidaklah wujud secara berasingan. Keempat-empat jadual itu adalah saling berkaitan. Disebabkan faktor keadaan atau masa dan kemampuan keluarga yang rendah menyebabkan ramai di antara mereka tidak bersekolah. Oleh kerana mereka tidak bersekolah menyebabkan mereka hanya menjadi petani sahaja yang berpendapatan sekadar cukup hidup sahaja.



## 2.7 Kepimpinan dan politik

Sebagaimana yang diketahui, komuniti Cina Kampung Peringat adalah sebahagian daripada masyarakat Melayu Kelantan. Oleh kerana itu corak kepimpinan dan bentuk politik juga memperlihatkan ciri-ciri yang sama dengan struktur dan bentuk yang ada dalam masyarakat Melayu.

Struktur dan bentuk kepimpinan komuniti Cina di sini dapat dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu kepimpinan tradisi dan pimpinan baru.

a) Pemimpin tradisi. Pemimpin ini dimaksudkan dengan kepimpinan sebelum kedatangan pengaruh barat lagi. Pemimpin ini pula di bahagikan kepada beberapa jenis iaitu pimpinan kinship (Mohd Taib Osman dan W. Kadir Yusuf 1983 : 322), pimpinan agama dan majlis dan penghulu.

- i) Pemimpin kinship dipanggil juga sebagai orang-orang tua di kampung (S. Husin Ali 1975 : 102) kerana pemimpin ini terdiri daripada mereka yang telah berumur dan berpengalaman. Orang tua atau orang-orang lama dikatakan sebagai tempat mengadu hal. Mereka juga mengurus dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kekeluargaan seperti per-

kahwinan, sakit, kematian dan sebagainya. Contohnya dalam perkahwinan, orang kampung akan berjumpa dengan mereka untuk meminta nasihat dan pandangan mengenai calon menantunya. Oleh kerana itu orang-orang tua dihormati dan disegani. Pemimpin Kinship juga mempunyai peranan dalam membuat keputusan-keputusan yang melibatkan semua anggota komuniti. Hal-hal yang selalu tersebut seperti upacara chea Sing (4). Sebelum dijalankan upacara tersebut mereka akan berbincang mengenai perbelanjaan, tempat, masa dan pengangkutan.

ii) Pemimpin agama dan Magis. Pemimpin ini dikatakan

orang yang boleh berhubungan dengan kuasa luar biasa. Mereka boleh menjadi orang tengah, antara manusia dengan kuasa luar biasa. Mereka ini di

kenali sebagai bomoh, Tok Cau dan Tok Jinjang.

Bomoh dikatakan pemimpin yang tidak kurang pentingnya dalam komuniti Cina Kampung Peringat. Dalam sebuah kampung tidak ramai yang berkebolehan dalam bidang berhubungan dengan jin, hantu, semangat dan dewa. Kepentingan bomoh adalah dalam hal bersangkutan dengan mengubati penyakit, puja kampung dan menjamu keramat.



Tok Cau adalah pemimpin yang dijemput khas untuk mengendalikan upacara-upacara keagamaan. Seperti kematian dan ulangtahun kematian (5). Tok Jinjang (6) adalah orang yang menjalankan upacara keagamaan yang berhubungan dengan upacara 'Tok Kong' (Confucius-Taoism).

Di Kampung Peringat terdapat 2 orang yang boleh menjadi Tok Jinjang. Kebiasaannya sebelum Tok Jinjang tidak sedarkan diri, seorang akan membaca mantra. Seorang lagi akan memukul loo.<sup>(7)</sup> Kemudian dia akan lupa dan mulailah mengubati penyakit ataupun menyelesaikan masalah.

- 
- 4) chea sing adalah bermakna menjemput dewa-dewa. **Sebelum** chea sing terlebih dahulu orang-orang Cina melakukan Sang sing yang bermakna menghantar dewa pulang ke langit. Biasanya Sang Sing dilakukan sebelum Tahun Baru China sementara chea sing dilakukan pada hari ke 3 Tahun Baru China.
  - 5) Ulangtahun kematian dikenali sebagai 'Choo Kee'. Tujuannya memperingati simati. Pada hari tersebut makanan dihidang dan dilakukan upacara persembahan.
  - 6) Tok Jinjang bagi komuniti Cina Peringat dipanggil 'Tangki Kia'.
  - 7) Loo - seperti gong tetapi ia lebih kecil. Alat ini dikatakan boleh memberi semangat kepada Tok Jinjang untuk menurun.
-



### iii) - Penghulu.

Di Kelantan penghulu dikenali sebagai Ketua Kampung (8). Sistem penghulu diamalkan sejak dulu lagi. Menurut Hanapi Dollah dalam kajiannya di Kampung Mata Air. Sebelum 1909 Penghulu dikenali sebagai Tok Nebeng. (9). Dalam komuniti Cina Kampung Peringat Penghulu adalah orang Melayu. Pemilihannya berdasarkan persetujuan ramai kemudian dilantik oleh kerajaan.

Tugas penghulu boleh dikatakan berat juga. Kebanyakan keperluan komuniti yang berkaitan dengan kerajaan diuruskan oleh Penghulu. Misalnya pembahagian baja subsidi atau lain-lain bentuk bantuan kerajaan, pembahagian tanah pusaka, pas untuk mengadakan sesuatu permainan dan lain-lain. Penghulu juga diwajibkan melakukan survey tentang sosio ekonomi kawasannya.

Dalam komuniti Kampung Peringat terdapat juga jawatankuasa keselamatan Kampung (JKKK). Biasanya jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Penghulu dan dibantu oleh polis. Tugasnya adalah mengawal keselamatan kampung. Selaras senapang akan dibekalkan untuk tujuan tersebut.

---

8) Ketua di peringkat kampung di Semenanjung dipanggil dengan berbagai gelaran. Misalnya di Selangor dipanggil Tok Sidang dan di Pahang dipanggil Tok Empat. Sementara di Kelantan dipanggil dengan Tok Penghulu. Tok Penghulu di negeri lain adalah ketua satu mukim.

b) Pemimpin baru : Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, pertumbuhan parti-parti politik begitu pesat sekali.

Kemunculan ini telah melahirkan corak kepimpinan baru yang dikenali sebagai pemimpin politik.

Komuniti Cina Kampung Peringat adalah kumpulan

Penyokong kerajaan Barisan Nasional. Penduduk disitu memberi sokongan yang kuat kepada MCA, iaitu komponen Barisan Nasional. MCA Cawangan Kampung Peringat kemudiannya menubuhkan jawatan-pelihat dan kain lepaan adalah pakaian yang biasa dipakai. kuasanya. Dewasa ini penduduk disitu mulai memberi sokongan kepada parti GERAKAN juga merupakan parti komponen kerajaan.

Pemimpin-pemimpin ini biasanya berfungsi bila hendak pilihanraya. Mereka sibuk mengatur siri ceramah.

Kadang-kadang mereka menjadi orang tengah dalam memenuhi permintaan penduduk Kampung Peringat.

9) Kelantan bernaung di bawah kerajaan Siam semenjak tahun 1832. Nebeng adalah berasal dari bahasa Siam 'pu ban' erti 'orang besar kampung'.

10) Samsir merupakan kain lepaan yang dililit di kepala. Perempuan buai kain kelabung dan juga kain basahan.

11) Kain kembang ialah kain yang digunakan untuk menutup kepala.



## 2.8 Ciri-ciri Sosio-budaya

Terdapat berbagai-bagai ciri yang wujud di kalangan komuniti Cina Peranakan Kampung Peringat. Ciri-ciri tersebut boleh dilihat dari segi pakaian, bahasa dan makanan.

Pakaian orang-orang Cina Kampung Peringat ini boleh dikatakan sama sahaja dengan orang Melayu. Kain batik, kain pelikat dan kain lepas adalah pakaian yang biasa dipakai. Bagi kaum lelaki mereka lebih suka memakai kain pelikat dan semutar.<sup>(10)</sup> Pakaian lain seperti seluar pendek dan panjang selalu juga dipakai terutama untuk menghadiri sesuatu kenduri. Sekiranya berada di rumah mereka hanya memakai kain pelikat sahaja.

Bagi orang perempuan berkain sarung dan berkembang merupakan pakaian biasa. Kain kembang <sup>(11)</sup> biasanya dikenakan

---

10) Semukar merupakan kain lepas yang dililit di kepala. Perempuan buat kain kelubung dan juga kain basahan.

11) Kain kembang ialah kain yang digunakan untuk menutup kepala.



atau dipakai sewaktu berada di luar rumah. Kadang-kadang di dalam rumah mereka berkemban (12) sahaja. Baju mereka adalah baju kebaya tangan pendek.(13) Bagi perempuan belasan tahun mereka lebih suka memakai skirt dan seluar 'jeans'. Jadi di sini pakaian tradisional seperti cheongsam tidak lagi digunakan.

L.A Peter Gostling and Linda Y.C Lim menyatakan "a man dressed in shorts or a sarong perhaps with a Malay style head scarf or a woman in a Malay sarong and blouse. (1964 :39) Keadaan ini membuktikan bahawa mereka telah trassimilasi dengan budaya Melayu.

Dari segi bahasa yang digunakan, komuniti ini lebih banyak menggunakan bahasa Malaysia loghat Kelantan, (14)

- 
- 12) Memakai kain sarung hingga ke paras dada sahaja. (lihat Sheppard 1972 : 109 )
  - 13) Baju perempuan bertangan pendek dan berbelah dada yang di tutup dengan peniti atau keronsang.
  - 14) Loghat Kelantan merupakan salah satu daripada jenis bahasa yang terdapat di Malaysia. Loghat ini susah difahami oleh orang luar kecuali orang Terengganu.

baik sesama mereka ataupun dengan orang luar. Oleh kerana pergaulan yang begitu lama dengan orang Melayu maka pertuturan mereka adalah sama dengan orang Melayu baik dari segi sebutan ataupun gaya bahasa yang digunakan. Hanya sebilangan kecil sahaja yang tahu bercakap mandarin kerana mereka pernah belajar di sekolah Cina.

Mereka juga menggunakan bahasa Hokkien loghat Kelantan.<sup>(15)</sup> Mereka juga boleh bertutur dalam bahasa Thai tetapi bukan bahasa Siam 'standards'. Dalam penggunaan bahasa seharian mereka menggunakan bahasa Hokkien dicampur aduk dengan loghat Kelantan, misalnya seperti dibawah:

Kalu li bek khi, li khio wa juga

Li boaa choa lagu tu.

wa bek pinje miakia le.

Kalu, juga, lagu tu dan pinje merupakan loghat Kelantan.

Makanan asa orang Cina ialah nasi, Nasi adalah hidangan untuk makan tengahari dan makan malam. Kadang-kadang menjadi sarapan pagi bagi setengah-tengah keluarga. Makan

---

15) Loghat Hokkien yang digunakan dipengaruhi oleh loghat bahasa tempatan. Gaya percakapan dan bunyi berbeza dengan loghat Hokkien di lain-lain tempat seperti di Kuala Lumpur atau Singapura.



tengahari dan malam biasanya mengandungi nasi bersama-sama sayur, budu (16), sambal kicap, ikan masin dan ikan basah dan daging (ayam, lembu dan babi).

Cara makan adalah agak sama dengan cara orang Melayu makan. Kebanyakan mereka menggunakan tangan dan jarang menggunakan 'chopsticks', (17) Jenerasi baru sekarang ramai yang tidak tahu langsung menggunakan 'chopsticks'. Ini bermakna mereka telah mulai mengikut budaya Melayu tempatan. Walaupun begitu 'chopsticks' tetap digunakan dalam upacara-upacara keagamaan dan perayaan tertentu sahaja. Oleh kerana itu dapat dikatakan dewasa ini 'chopsticks' berfungsi dalam ceremoni sahaja. Kebanyakan mereka makan diatas meja dan kedapatan juga yang makan bersila di atas lantai.

- 
- 16) Budu merupakan sejenis makanan. Ianya dibuat dari ikan bilis. Ikan ini kemudiannya diletakkan di dalam tempayan dan diisikan garam. Tempayan itu ditutup dengan serapat-rapatnya. Lama-kelamaan ikan bilis ini akan menjadi cair pekat.
  - 17) Chopsticks - merupakan alat untuk makan. Ia dibuat dari-buluh ataupun kayu. Bentuknya bulat panjang dan ada yang empat persegi panjang.



## 2.9

Kesimpulan

1.1 Kampung Cina Peringat merupakan salah satu dari-pada perkampungan Cina di Kelantan. Kampung ini ditubuhkan kira-kira 100 tahun yang lampau. Kelompok mereka dikelilingi oleh perkampungan Melayu, jadi mereka dikatakan kelompok minovik. Keadaan ini memudahkan proses integrasi dan asimilasi berlaku. Hubungan yang rapat dengan komuniti Melayu membolehkan unsur-unsur kebudayaan Melayu dapat diserapkan dalam kehidupan mereka. Corak kepimpinan, penempatan, pakaian dan makanan lebih memperlihatkan persamaan dengan masyarakat Melayu tempatan. Namun begitu faktor **agama** dikatakan dapat memisahkan antara dua etnik ini.

1.2 Perkembangan Politik

Politik adalah masalah seperti perantaraan atau badan-badan lain yang ditubuhkan dengan tujuan untuk mengawal atau mempengaruhi tingkah laku individu atau kumpulan individu. Politik adalah berkaitan dengan kekuasaan. Partisipasi politik adalah kerangka umum yang merangkumi semua tingkah laku yang berkaitan dengan kekuasaan. Justeru itu parti-parti ini merupakan saluran yang terfikir untuk mengorganisasikan tenaga manusia manusia untuk mencapai tujuan dari ideologi yang sama.

### BAB 3 PERHUBUNGAN ETNIK DI KAMPUNG PERINGAT

#### 3.1 Pendahuluan

Perhubungan ini pada asasnya melibatkan dua kumpulan etnik - Melayu dan Cina - berbeza dari segi agama dan kebudayaan. Dalam bab ini saya akan melihat jalinan perhubungan sosial antara masyarakat Cina dengan masyarakat Melayu yang berdekatan. Secara umumnya dapat dikaitkan perhubungan di antara mereka begitu mesra dan saling menghormati. Kadang-kala perhubungan antara dua etnik ini melebihi daripada jalinan perhubungan dalam kelompok mereka sendiri. Perhubungan mereka yang mesra dapat dilihat dalam aspek politik, sosial dan ekonomi.

#### 3.2 Perhubungan Politik

Parti politik samalah seperti persatuan atau badan-badan lain yang ditubuhkan dengan tujuan untuk menggembelingkan tenaga manusia yang ada supaya mereka dapat bersatu serta bertindak dengan cara berkesan. Parti-parti politik akan berusaha mencari seberapa ramai penyokong yang mendokong satu-satu ideologi yang tertentu. Justeru itu parti-parti itu merupakan peluang yang terbaik untuk seseorang menganggotainya tanpa mengira kumpulan etnik, asalkan ianya dari ideologi yang sama.



Secara umumnya dapatlah dikatakan orang-orang Cina Peranakan Peringat tidak begitu aktif dalam bidang politik. Mereka juga kurang berminat untuk mengikut perkembangan politik tanahair. Hanya sebahagian kecil sahaja terutamanya mereka yang tahu membaca yang mengikuti pergerakan politik tanahair. Oleh yang demikian dapatlah dikatakan mereka lebih banyak bertindak sebagai 'pak turut' sahaja. Keadaan ini wujud kerana taraf pendidikan mereka yang rendah dan kedudukan ekonomi mereka yang tidak teguh. Mereka lebih suka mengejar kekayaan daripada melibatkan diri dalam arena politik.

Masyarakat Cina Kampung Peringat memberi sokongan tang penuh pada parti kerajaan Barisan Nasional. Ini terbukti di dalam pilihanraya 1986 baru-baru ini, yang dimenangi oleh calon kerajaan dengan majoriti yang sedikit. Lebihan undi yang membolehkan calon kerajaan menang sebenarnya datang dari orang-orang Cina disitu. Sementara itu masyarakat Melayu tempatan terbahagi kepada dua kumpulan parti yang berbeza. Pertama golongan yang menyokong parti kerajaan (UMNO - PER tubuhan Melayu Bersatu) dan kedua mereka yang menyokong parti lawan iaitu PAS (Parti Islam Se-Malaya). Dalam komuniti Cina Peranakan Kampung Peringat terdapat dua parti komponen kerajaan iaitu parti MCA dan GERAKAN (penubuhannya tidak secara rasmi lagi). Melalui kedua-dua parti ini mereka sering

berhubungan antara satu sama lain. Walaupun begitu amatlah menyedihkan kerana kegiatan-kegiatan parti tersebut tidaklah begitu aktif, hanya berfungsi bila hendak diadakan pilihanraya.

Perhubungan Cina-Melayu jelas kelihatan bila diadakan suatu pilihanraya. Menjelang pilihanraya barulah pemimpin-pemimpin masyarakat hendak melawat ke perkampungan orang-orang Cina. Ini menyebabkan wujudnya perhubungan bersemuka (face to face) antara pemimpin parti dengan para pengundi.

Memandangkan kedua kumpulan etnik ini dari satu komponen parti yang sama, maka hubungan kerjasama tetap wujud. Mereka akan berbincang untuk mengatur strategi bagi menghadapi sesuatu pilihanraya. Mereka juga sama-sama menjalankan kempen bagi menarik lebih ramai penyokong. Poster-poster calon juga ditampal bersama-sama. Kedua-dua kumpulan etnik ini juga mengadakan beberapa siri ceramah bagi memancing lebih banyak undi.

Orang-orang Cina Peranakan Kampung Peringat juga tetap berhubungan dengan orang Melayu dari parti yang berbeza. Ini menunjukkan perbezaan parti dan ideologi tidak menjejaskan jalinan perhubungan mereka. Keadaan ini tidak sama antara



masyarakat Melayu yang menyokong parti kerajaan dengan mereka yang menyokong parti lawan. Menjelang pilihanraya perhubungan yang dingin antara etnik yang sama akan wujud. Namun begitu ianya sementara sahaja kerana selepas pilihanraya keadaan yang mesra wujud semula.

Kedapatan juga bila orang-orang Melayu yang menyokong parti pembangkang mengadakan ceramah, orang-orang Cina turut sama pergi mendengar. Apa yang menariknya, orang-orang Cina ini memakai kain pelikat dan berkain lepas (semutar) di kepala yang menyerupai orang-orang Melayu. Ini kerana mereka ingin mewujudkan perhubungan yang harmoni sewaktu mendengar ceramah.

Jadi dapatlah dikatakan perhubungan Cina-Melayu dalam bidang politik adalah baik dan mesra. Perbalahan dan pergaduhan akibat percanggahan dalam politik tidak pernah wujud di kalangan dua kumpulan etnik ini.

Di samping terdapatnya parti-parti politik, di kampung Peringat juga terdapat pertubuhan sukarela, contohnya Pertubuhan Belia 4B Cawangan Peringat. Fungsi pertubuhan ini adalah mewujudkan perpaduan di kalangan penduduk melalui kegiatan-kegiatan yang telah diatur. Keahliannya dibuka kepada

penduduk tempatan tanpa mengira bangsa. Di antara kegiatan yang telah dilaksanakan adalah mengadakan gotong-royong dan membantu anggota polis dalam menghadapi banjir.

Walaupun tujuan pertubuhan ini baik tetapi keahliannya tidaklah begitu menggalakkan. Rata-rata responden menyatakan mereka tidak menjadi ahli persatuan belia, malahan ada yang tidak tahu adanya pertubuhan tersebut. Jadi pertubuhan ini dijalankan oleh orang-orang Melayu sahaja..

Demi menjaga keselamatan kampung, maka ditubuhkan satu badan yang dikenali sebagai Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK). Rondaan-rondaan di waktu malam diadakan. Penyertaan semua penduduk Kampung Peringat adalah menggalakkan demi menjaga keselamatan kampung sendiri. Ini bermakna terdapat orang Cina berjaga bersama-sama dengan Orang Melayu. Jadi di samping mengawal mereka berbual-bual dan berbincang sesuatu. Ini dapat menambahkan tali persahabatan antara dua kumpulan etnik ini.

Dari segi kepimpinan, masyarakat Cina Kampung Peringat mempunyai seorang penghulu dan seorang pengawa di peringkat Mukim, Penghulu dan pengawa ini adalah orang Melayu. Jadi orang-orang Cina tidak mempunyai satu sistem kepimpinan yang sendiri. Ini berbeza dengan komuniti Cina peranakan



di Tebing Sungai Kelantan, (Hanapi Dollah 1978) yang mempunyai seorang ketuanya sendiri.

Walaupun begitu perhubungan mereka dengan orang-orang Melayu tetap berjalan lancar. Menurut penghulu Kampung Peringat, dia tidak mengalami masalah yang besar dalam mengawal anak-anak buahnya. Segala arahan yang dikeluarkan oleh penghulu akan dipatuhi oleh anak-anak buahnya. Komuniti Cina juga akan menemui penghulu jikalau terdapat sebarang masalah terutamanya yang melibatkan harta pusaka. Penghulu juga menjadi 'orang tengah' antara kerajaan dengan masyarakat kampung.

Di samping penghulu, golongan-golongan tua dan ketua-ketua agama juga dianggap pemimpin. Orang-orang Melayu ataupun orang-orang Cina akan datang kerumah mereka untuk menanya sesuatu hal. Mereka juga dijadikan sebagai tempat rujukan. Misalnya Tok Imam Kampung Peringat iaitu Tok Wan Abas akan sentiasa dilawati oleh penduduk kampung. Pemimpin ini akan mengetuai upacara-upacara tertentu seperti bersembahyang hajat. Perayaan Maulud, membaca doa dan sebagainya. Jadi ini menjadikan hubungan antara orang Cina dengan orang Melayu begitu mesra sekali.

### 3.3 Perhubungan Sosial

Sememangnya kita ketahui bahawa komuniti Cina Peringat merupakan sebuah perkampungan yang berhampiran dengan perkampungan Melayu. Oleh itu perhubungan secara bersemuka pasti akan berlaku. Hubungan sosial yang erat dan hidup sandar-menyardar pasti akan berlaku. Keadaan ini telah wujud di kalangan masyarakat Kampung Peringat, walaupun keahiliannya terdiri dari orang-orang Cina dan Melayu. Sumbangan atau bantuan yang mereka hulurkan adalah tanpa mengharapkan sebarang balasannya.

#### Jadual 3.1

#### Pergaulan diantara orang-orang Cina dengan orang-orang Melayu

Pergaulan	Bilangan	Peratus (%)
Sangat rapat	15	30
Rapat	30	60
Tidak berapa rapat	5	10
Tidak rapat	0	0
Jumlah	50	100



Daripada 50 responden yang ditemubual, 15 orang (30 %) daripadanya menyatakan sangat rapat dengan orang Melayu, 30 orang (60 %) rapat dengan orang Melayu, 5 orang (10 %) tidak rapat sangat dan tidak seorangpun yang tidak mengenali masyarakat Melayu.

Keadaan ini membuktikan bahawa sememangnya pergaulan antara orang-orang Cina dengan orang-orang Melayu adalah sangat rapat. Pergaulan yang rapat dapat membantu berlakunya proses asimilasi dan integrasi dengan jayanya.

Perhubungan antara komuniti Cina-Melayu dapat dilihat dalam satu-satu perayaan seperti perkahwinan, hari raya, keramaian dan sebagainya.

Daripada jadual disebelah kita dapat katakan orang Cina ramai yang tidak menjemput orang Melayu apabila mereka mengadakan majlis seperti perkahwinan (78 %). Hanya 10 % sahaja yang selalu menjemput orang Melayu. Ini menandakan pergaulan mereka masih lagi dipengaruhi oleh batasan-batasan tertentu.

Adalah menjemput	10	20
Tidak menjemput	78	10
Jumlah	88	100

Jadual 3.2

Jemputan untuk Orang Melayu SewaktuMajlis Perkahwinan.

Kekerapan	Bilangan	Peratus (%)
Kerap kali	5	10
Kadang-kadang	6	12
Tidak pernah	39	78
Jumlah	50	100

Jadual 3.3

Jemputan Untuk Orang Cina SewaktuMajlis Perkahwinan

Kekerapan	Bilangan	Peratus (%)
Kerap kali	35	70
Kadang-kadang	10	20
Tidak pernah	5	10
Jumlah	50	100



Keadaan yang agak berlainan berlaku berbanding dengan jadual 3.3. Didapati orang Melayu lebih banyak menjemput orang Cina (70 %). Hanya 10 % sahaja yang tidak menjemput langsung orang Cina. Daripada kedua-dua jadual menunjukkan ada keadaan yang tidak seimbang dalam pergaulan mereka.

Sebenarnya kita tidak boleh mengatakan orang-orang Cina kurang menjemput orang-orang Melayu kerana mereka kurang rapat atau mereka bertelingkah. Ianya juga tidak membuktikan terdapat sentimen perkauman yang kuat di kalangan dua kumpulan etnik ini. Pada pendapat saya perasaan kekitaan memang tidak asing lagi kepada masyarakat kampung Peringat.

Agama dan kehidupan yang menjadi penghalang yang utama dalam pergaulan mereka. Dalam kes perkahwinan, masyarakat Cina kurang menjemput orang Melayu kerana mereka pasti orang Melayu tidak akan datang. Masyarakat Melayu tentu merasa sangsi atau ragu-ragu tentang masakan yang dihidangkan. Makanan yang dihidangkan adalah haram dimakan oleh orang Melayu. Orang-orang Melayu tidak boleh makan daging babi ataupun ayam yang tidak disembelih cara Islam. Di rumah orang Cina terdapat juga anjing yang menjadi binatang peliharaan. Di dalam rumah orang Cina pula terdapat juga 'Tok Kong' ataupun berhala.

Ini semua adalah haram disisi Islam. Jadi disebabkan hal-hal yang sedemikian yang menyebabkan orang Cina kurang menjemput orang-orang Melayu. Secara tidak langsung ini membuktikan kepada kita orang-orang Cina sememangnya memahami tentang adat orang Melayu dan agama mereka.

Namun begitu terdapat juga komuniti Cina Kampung Peringat yang menjemput orang Melayu tempatan. Menurut satu keluarga Cina yang pernah menjemput orang-orang Melayu ke upacara perkahwinan, dia terpaksa menyediakan makanan khas untuk orang-orang Melayu. Makanan ini dimasak oleh jirannya yang juga beragama Islam. Tempat makan juga diperkarangan rumah jirannya. Ini membuktikan mereka sanggup menghabiskan perbelanjaan demi memelihara keharmonian antara mereka yang telah sedia terjalin.

Keadaan yang sama berlaku apabila menjelang hari-hari perayaan yang lain seperti Tahun Baru Cina dan Hari Raya Puasa. Mereka saling kunjung-mengunjungi dan beramah mesra antara satu sama lain. Kuih-muih selalu dihantar ke rumah orang-orang Melayu dan begitu juga orang-orang Melayu. Mereka mengadakan 'rumah terbuka' apabila hariraya.



Mereka juga bertandang ke rumah jiran Melayu tanpa sebab yang tertentu. Sambil menghabiskan masa lapang mereka berbual-bual kosong. Ini boleh membantu menambahkan kemesraan antara dua kumpulan etnik ini. Kedapatan juga mereka saling kunjung-mengunjungi bagi menunjukkan rasa simpati ke atas jiran yang mendapat kemalangan. Kebiasaannya orang-orang Cina atau orang-orang Melayu membawa 'buah tangan'. Sewaktu melihat jiran mereka turut bersedih diatas apa yang berlaku ke atas jiran mereka. Mereka berdiri talahya ada sudah ataupun dukus untuk menyeduk. Sebab-sebab bertandang.

Jadual 3.4

Sebab-sebab	Bilangan	Peratus (%)
Berbual-bual	14-orang	28
Kemalangan	12-orang	24
Meminta pertolongan	7	14
Meminjam	3	6
Bertanya khabar	14	28
Jumlah	50	100

Daripada jadual 3.4 didapati sebab yang paling banyak mereka lawat melawati adalah bertanya khabar (28 %) dan berbual-bual (28 %) Sebab-sebab lain adalah kemalangan yang menimpa jiran (24 %), meminta pertolongan seperti meminta air penawar, menjadi bidan dan mengurus anggota badan yang cedera dan sebab terakhir adalah meminjam (6 %).

Kita dapat dua kumpulan etnik ini amat sedikit sekali pergi meminjam ataupun meminta pertolongan dari kumpulan etnik lain. Ini kerana mereka berpendapat dalam komuniti mereka sendiri telahpun ada bomoh ataupun dukun untuk menyembuhkan sesuatu penyakit, jadi tidak perlu memanggil orang lain. Mereka membawa anak-anak mereka ke rumah sakit apabila ditimpa kecederaan. Mereka juga tidak mahu menyusahkan jiran-jiran mereka. Walaupun begitu orang-orang Cina pasti membantu atau memberi pertolongan kepada orang-orang Melayu ataupun sebaliknya.

Perlakuan meminjam juga boleh menimbulkan rasa kemesraan diantara jiran. Contohnya untuk mengadakan kenduri jiran selalu meminjam barang-barang seperti pinggan mangkuk dan kerusi meja. Walaupun begitu kadarnya begitu sedikit sekali (6 %). Orang-orang Melayu tidak mahu meminjam pinggan mangkuk ataupun lain-lain peralatan dapur kerana berkaitan



dengan agama. Peralatan -peralatan tersebut sebelum dipinjamkan telahpun digunakan untuk memasak ataupun mengisi barang-barang yang haram seperti daging babi. Jadi adalah tidak sesuai peralatan tersebut dipinjamkan. Mereka juga segan hendak meminjam wang dari jiran-jiran mereka. Jadi sisini pinjam-meminjam hanya melibatkan peralatan yang 'tidak susut nilainya' seperti parang, cangkul, kapak dan lain-lain peralatan kerja.

Oleh yang demikian dapat dikatakan sebab yang utama mereka bertandang antara satu sama lain adalah untuk berbual-bual kodong sambil bertanya khabar.

Jadual 3.5

Waktu-waktu bertandang

Waktu	Bilangan	Peratus (%)
Pagi	5	10
Tengahari	8	16
Petang	17	34
Malam	20	40
Jumlah	50	100

Jadual 3.5 menunjukkan masa-masa penduduk kampung Peringat melawat jiran mereka yang berlainan bangsa. Kebanyakan orang-orang Cina ataupun Melayu menziarahi jiran masing-masing di waktu malam.(40 %). Ini kerana pada waktu begini, mereka sudah mempunyai masa yang terluang. Mereka berbual-bual sambil menonton talivisyen ataupun minum kopi. Sementara menunggu mata mengantuk mereka ke rumah jiran bertanya khabar serta beramah mesra. Jadi ini menambahkan jalinan kemesraan di antara mereka.

Mereka juga melawat jiran-jiran pada waktu petang (34 %). Setelah penat bekerja ataupun sewaktu hendak pulang ke rumah dari bendang mereka akan singgah sebentar ke rumah jiran. Sambil melepaskan penat di badan mereka berbual-bual. Hanya 16 % sahaja yang menyatakan mereka melawat jiran di waktu tengahari. Ini kerana mereka tidak mempunyai masa yang panjang untuk berbual-bual. Selepas makan tengahari dan bersembahyang bagi orang-orang Islam, mereka akan pergi ke tempat kerja semula. Jadi pada waktu begini mereka lebih suka beramah mesra dengan anak-anak ataupun dengan ahli keluarga yang lain.

Waktu pagi memang tidak sesuai untuk melawati jiran-jiran. Pada masa ini mereka akan pergi bekerja ataupun mencari nafkah hidup. Bagi yang menjadi petani, dari subuh lagi mereka ke bendang. Jadi di rumah hanya tinggal anak-anak



mereka yang masih belum bersekolah ataupun isteri mereka. Oleh itu 10 % responden yang menziarahi jiran-jiran adalah terdiri dari kaum ibu. Jikalau ada sesuatu yang penting sangat barulah mereka pergi ke rumah jiran di waktu pagi.

Apa yang agak menghairankan di sini kenapa orang-orang Melayu lebih ramai ataupun lebih kerap melawat orang-orang Cina? Ini merupakan satu persoalan yang agak sukar hendak dijawab. Mungkinkah kerana orang-orang Cina masih tebal dengan sikap perkauman? Atau mereka tidak memerlukan bantuan dari orang-orang Melayu? Jadi persoalannya kenapakah hanya disatu pihak sahaja yang lebih biasa melawat dari satu pihak yang lain? Bagi menjawab persoalan ini kita terpaksa meninjau sejarah silam, kebudayaan dan agama mereka. Jadi bagi pendapat saya sekali lagi disini faktor nilai, sikap dan agama menjadi benteng dalam perhubungan mereka.

Kita telahpun melihat dalam banyak sebab orang-orang Cina dan Melayu akan melawat jiran mereka. Satu sebab yang mereka tidak kunjung-mengunjungi adalah kematian. Didapati tidak seorangpun daripada mereka yang melawat orang-orang Melayu pada hari kematian. Keadaan yang sama berlaku apabila orang-orang Cina meninggal. Ini berlaku kerana faktor agama. Orang-orang Melayu tidak boleh melawat orang Cina pada hari

kematian. Mereka mungkin boleh melihat upacara kematian tapi dari jarak yang jauh. Bagi orang-orang Cina pula, mereka tidak berbuat demikian kerana bimbang orang-orang Melayu merasa tidak senang dengan kedatangan mereka. Di samping itu orang-orang Cina juga mempunyai pantang larang yang tidak membolehkan mereka melawat orang-orang Melayu di hari kematian. Biasanya mereka akan berkunjung ke rumah jiran selepas beberapa hari bagi menandakan rasa simpati dan bersedih. Jadi dapatlah dikatakan dalam hal-hal yang melibatkan upacara keagamaan, dua kumpulan etnik ini tidak kunjung-mengunjungi, Namun begitu mereka masih saling faham memahami antara satu sama lain.

Bagi mendapatkan maklumat tentang komen mereka tentang orang-orang Cina dan orang-orang Melayu, pengkaji berbual-bual dengan mereka di waktu kelapangan. Terdapat berbagai-bagai komen yang mereka berikan dan dapat disimpulkan seperti jadual 3.6 di sebelah.

Daripada jadual 3.6 orang Cina dan orang Melayu menyatakan mereka saling terbaik-baik antara satu sama lain. Orang Cina menyatakan orang Melayu suka menolong dan baik (80 %) Sementara orang Melayu memberi komen yang sama terhadap orang Cina (88 %). Jadi dapat dikatakan peratusan komen yang diberikan oleh kedua-dua kumpulan etnik ini agak sama.



Jadual 3.6

Komen orang Melayu dan Orang Cina

Komen	Orang Cina		Orang Melayu	
	Bilangan	Peratus (%)	Bilangan	Peratus (%)
Baik mesra	25	50	24	48
Suka menolong	15	30	20	40
Penipu	1	2	4	8
Pemalas	5	10	0	0
Tidak boleh diharap	2	4	1	2
Angkuh	2	4	1	2
Jumlah	50	100	50	100

Orang Cina menyatakan yang orang Melayu penipu ada-lah 2 % sahaja. Sementara orang Melayu menyatakan orang Cina penipu adalah 8 %. Ini menunjukkan orang Melayu masih mempunyai pandangan yang negatif terhadap orang Cina. Ini kerana orang Melayu masih lagi dipengaruhi oleh sejarah lama yang orang Cina dianggap penipu, terutamanya dalam perniagaan. Pandangan sedemikian amat sukar sekali hendak dihapuskan. Orang Cina pula menyatakan orang Melayu pemalas (10 %). Manakala orang Melayu tidak memberi sebarang komen tentang hal ini. Walaupun begitu ini tidak bererti orang Cina semuanya rajin.

Secara umumnya dapat dikatakan perhubungan antara dua kumpulan etnik ini adalah baik dan mesra. Pandangan yang mengatakan orang Cina suka menipu dan orang Melayu pemalas adalah peratusan yang kecil sekali. Namun begitu langkah-langkah yang positif harus diambil bagi memperbaiki pandangan yang sedemikian. Ianya dapat dihapuskan melalui penglibatan bersama dalam berbagai-bagai aspek kehidupan. Jikalau langkah-langkah yang sewajarnya tidak diambil dan dibiarkan keadaan ini berlanjutan nescaya ia akan memberi kesan yang buruk kepada perpaduan negara.



Di samping aktiviti beertandang dan kunjung-mengunjungi di masa perayaan, hubungan sosial juga dapat diwujudkan melalui institusi pelajaran. Tidak dapat dinafikan institusi-institusi pelajaran umpamanya sekolah dan pusat pengajian tinggi boleh memberikan peluang kumpulan etnik berhubung antara satu sama lain.

Di sekolah-sekolah yang muridnya terdiri daripada berbagai-bagai bangsa golongan etnik akan memberikan peluang kepada murid-murid dan guru-gurunya berhubung antara satu sama lain. Pihak sekolah juga dapat mengenali ibubapa murid-murid melalui persatuan ibubapa (PIBG). Peluang ini dapat mengurangkan sifat 'communal' di dalam tindakan dan pemikiran mereka. Melalui PIBG sekolah Kebangsaan Peringat (1). Ibubapa murid-murid dapat bertukar pendapat demi kepentingan anak-anak mereka.

Dalam kampung Peringat terdapat dua buah sekolah menengah disamping sekolah kebangsaan Peringat. Di sekolah

- 
- 1) Letaknya dalam lingkungan perkampungan Melayu dan Cina - kedudukannya 14.4 km dari Kota Bharu.
  - 2) 2 buah sekolah menengah - Sekolah Menengah Long Gafar (1.6 km dari kampung Peringat dan sekolah Menengah Melor - 6.4 km dari kampung Peringat.

Kebangsaan Peringat majoriti murid-muridnya adalah orang Melayu. Hanya 10 % sahaja murid-murid Cina (murid-murid lebih kurang 600 orang) Kebanyakan ibubapa lebih suka anak-anak mereka belajar di sekolah Cina di bandar Kota Bharu. Dari satu aspek ini menunjukkan perkembangan yang sihat kerana anak-anak mereka dapat belajar bahasa mandarin. Di sudut yang lain pula ianya memberi kesan yang tidak sihat kepada perhubungan sosial di kampung tersebut. Ini kerana sejak kecil lagi anak-anak mereka diorientasikan dengan orang-orang Cina di Sekolah. Didapati anak-anak yang dihantar ke sekolah Cina tidak bergaul dengan anak-anak orang Melayu. Oleh itu ianya akan melambatkan proses integrasi dan asimilasi di kampung tersebut. Penghantaran anak-anak mereka ke sekolah Cina, menunjukkan masih terdapat setengah-tengah ibubapa yang tetap kuat dengan identiti kecinaan.

Di dalam kedua-dua sekolah menengah hubungan yang erat wujud di antara anak-anak dua kumpulan etnik ini. Mereka bercampur gaul melalui kegiatan akademik dan kegiatan luar bilik darjah seperti bersukan dan perpasutuan. Oleh yang demikian adalah dijangkakan masalah kaum akan mulai pudar di masa-masa akan datang. Ini kerana jenerasi baru sejak di bangku sekolah lagi telah bergaul dengan kawan-kawan dari bangsa yang berbeza.



Di kampung Peringat juga terdapat pusat rawatan kecil kesihatan. Kebanyakan pusat ini dikunjungi oleh kaum ibu yang sedang hamil. Jadi secara tidak langsung pusat ini dapat dijadikan tempat mereka berbual-bual.

Jadi disini dapat dirumuskan bahawa aspek sosial dapat membantu mengeratkan lagi tali persahabatan yang telah sedia ada di antara dua kumpulan etnik ini.

Perhubungan antara dua kumpulan etnik ini terdapat juga dalam bidang sukan. Di antara jenis permainan popular di kalangan masyarakat Kampung Peringat adalah bolesepak, badminton dan sepak takraw. Di Kampung Peringat terdapat sebuah padang bola dan sebuah gelanggang badminton dan sepak takraw. Di antara ketiga-tiga jenis permainan ini, bola sepak yang paling digemari sekali.

Di Kampung Peringat terdapat pasukan bolasepak. Terdapat juga beberapa orang Cina turut serta bermain bersama dengan orang-orang Melayu. Walaupun begitu penyertaan mereka (orang-orang Cina) amat sedikit sekali. Orang-orang Cina lebih suka bermain dikalangan mereka sahaja di dalam perkampungan Cina. Ini mungkin mereka segan hendak bermain kerana mereka kurang kemahiran bermain bola berbanding dengan pemuda-pemuda

Melayu. Beberapa pemuda Cina yang ditanya tentang perasaan mereka apabila bermain dengan orang Melayu, mereka menjawab mereka merasa gembira bahkan merasakan mereka satu bangsa dan satu negeri. Mereka bukan orang Cina atau orang Melayu tetapi orang Kelantan.

Dalam permainan badminton dan sepak takraw penyertaan kaum Cina adalah amat sedikit sekali. Pemuda-pemuda Cina lebih suka bermain badminton di kalangan mereka sahaja. Kadang-kala terdapat perlawanan antara pasukan badminton Cina Peringat dengan pasukan badminton masyarakat Melayu yang berhampiran. Melalui perlawanan-perlawanan ini ianya dapat mewujudkan tali persahabatan antara dua kumpulan etnik tersebut.

3) Jalan Peringat mempunyai pasar harian yang aktif. Jarak Peringat ke Batu Kali Cina Besar dan dikurangkan sama antara 5.10 - 5.30 petang.



### 3.4 Perhubungan Ekonomi

Perhubungan antara dua etnik ini ketara juga dalam aspek ekonomi. Maksudnya di sini dalam hal yang melibatkan jual-beli di pasar Peringat.<sup>(3)</sup> Dalam pasar terdapat hubungan yang berbagai-bagai antara si penjual dengan pembeli. Terdapat 5 orang Cina yang menjual di pasar ini. Mereka menjual barang-barang keperluan dapur seperti bawang, lada kering, gula, minyak masak dan sebagainya.

Apa yang menarik di sini adalah pasar tersebut dapat dikatakan sebagai pusat berinteraksi di samping sebagai pusat membeli belah. Dalam pasar ini juga berlakunya jalinan sosial antara 2 kumpulan etnik ini. Disebabkan tidak berkesempatan bertandang ke rumah, maka melalui kegiatan di pasar mereka dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih rapat lagi.

Walaupun terdapat 5 orang sahaja orang Cina yang menjual tetapi ramai orang Melayu yang datang membeli di gerai mereka. Ini menunjukkan mereka tidak dipulaukan ataupun di

---

3) Pasar Peringat merupakan pasar harian yang sibuk. Ianya terletak 9 batu dari Kota Bharu dan dikunjungi ramai antara 4.00 - 5.00 petang.

sisihkan. Bagi orang-orang Melayu apa yang penting bagi mereka adalah harga barang dan layanan yang memuaskan bukannya bangsa yang berlainan.

Nampaknya dalam hal-hal pekerjaan lain 2 kumpulan etnik ini juga berhubung. Kedapatan bengkel-bengkel kereta orang Cina dikunjungi oleh pelanggan Melayu. Terdapat juga orang Melayu yang bekerja dengan orang-orang Cina, misalnya dalam kerja memborong getah dan membuat tangki air. Gaji yang diberikan adalah sama dengan yang diberikan kepada pekerja Cina.



### 3.5 Kesimpulan

Perhubungan orang-orang Cina sesama mereka dapat dikatakan begitu baik dan mesra sekali. Namun begitu terdapat juga pertelingkahan kecil yang hanya melibatkan satu atau dua keluarga. Perhubungan mereka jelas dalam aspek ekonomi, Perkahwinan dan kekeluargaan, agama dan seumpamanya. Terdapat berbagai faktor yang mendorong perhubungan mereka menjadi rapat. Di antaranya faktor agama, bahasa, ideologi, nilai, keluarga dan keturunan yang sama.

Jelaslah juga kepada kita, bahawa komuniti Cina Peranakan merupakan kelompok minoriti yang selalu berinteraksi dengan kelompok Melayu yang dominan. Kesedaran mereka dari golongan bawahan dan penggunaan bahasa yang sama membantu perhubungan antara 2 kelompok ini. Perubahan yang berlaku dalam organisasi sosial adalah hasil daripada pengaruh kebudayaan Melayu. Rumahtangga, sebagai satu unit sosial dan kelompok kekeluargaan tidak lagi memainkan peranan penting sebagaimana yang terdapat dalam komuniti Cina bukan peranakan.

## BAB 4

IDENTITI SOSIAL CINA PERANAKANKAMPUNG PERINGAT4.1 Pendahuluan:-

Dalam bab 3 telah dibincangkan hubungan antara orang Cina dengan orang Melayu. Adalah jelas didapati hubungan yang agak mesra antara dua kumpulan etnik ini. Kehidupan mereka saling hormat-menghormati dan bantu-membantu. Melalui aspek-aspek seperti persanakan dan perkahwinan, amalan sosial dan ekonomi, keanggotaan politik dan keanggotaan persatuan telah membezakan antara orang Cina dengan orang Melayu. Perlu dinyatakan bahawa aspek-aspek sosial ini adalah dalam proses perubahan dimana masyarakat Cina meminjam unsur-unsur kebudayaan daripada masyarakat Melayu. Walaupun aspek-aspek mengalami perubahan tetapi masih kekal dan penting dalam mewujudkan identiti etnik kecinaan.

4.2 Persanakan dan Perkahwinan

Pembentukan persanakan adalah berdasarkan kepada famili ataupun bangsa. Daripada 50 responden yang ditemuduga didapati 23 keluarga (46 %) mengamalkan keluarga asas, 19 keluarga (38 %) keluarga luas, 4 keluarga bergabung dan 4 keluarga nuklear tirus. (lihat jadual 4.1 disebelah)



Jadual 4.1

Bentuk-bentuk rumahtangga komunitiCina Kampung Peringat

Bentuk keluarga	Bilangan	Peratus
Keluarga asas	23	46
Keluarga luas	19	38
Keluarga bergabung	4	8
Keluarga nuklear tirus	4	8
Jumlah	50	100

Suatu kajian yang dilakukan oleh Ong Guan Sai (1981 : 150) menunjukkan keluarga luas di Mukim Tendong hanya 8 keluarga sahaja daripada 46 keluarga. Dalam komuniti Cina Peringat didapati hanya 19 keluarga sahaja yang mengamalkan keluarga luas.

Dalam komuniti Cina Kampung Peringat bilangan keluarga asas tidaklah jauh berbeza dengan jumlah keluarga luas. Ini bermakna keluarga asas tetap wujud sementara keluarga luas dan gabungan tidak terhapus. Penulis lebih menyetujui

apa yang ditulis oleh Goode (1964 , 1971) dan Azizah Kassim (1982). Menurut Azizah keluarga asas bertambah tetapi keluarga luas tetap wujud.

Kesimpulan daripada kajian kekeluargaan komuniti Cina Kampung Peringat adalah:

1. Kajian ini menunjukkan bahawa di kalangan mereka yang berpendapatan rendah bentuk rumahtangga nuklear adalah lebih dominan.
2. Keluarga asas tidak terasing tetapi mempunyai hubungan yang rapat dengan ahli kekeluargaan lainnya terutamanya mereka yang tinggal setempat tinggal berhampiran dan yang mempunyai status ekonomi yang setaraf dengan mereka.
3. Bilangan rumahtangga nuklear lebih banyak dari keluarga yang lain. Ini tidak semestinya menyokong pendapat yang mengatakan urbanisasi, mengalakkan perkembangan famili nuklear. Hilai, ideologi dan kelas merupakan angkubah-angkubah lain yang mempengaruhi perkembangan famili.

Secara umumnya struktur orang-orang Cina didasarkan kepada hubungan persanakan. Sistem persanakan penting untuk mengatur hubungan anggota di dalam sesebuah komuniti.



Masyarakat Cina samada di seberang laut ataupun di dalam negeri Cina mengamalkan sistem patrilineal atau nisab bapa. Ini bermakna keturunan mereka disusurgalurkan berdasar pihak lelaki. Oleh itu dikatakan kaum lelaki lebih penting di dalam masyarakat Cina. Anak lelaki dapat melanjutkan jurai keturunan sesebuah lineage atau suku.

Susurgalur keturunan dikira sebelah bapa terdapat penggunaan surname. Kumpulan surname merupakan indicidu dari keluarga lineage yang sama dan dapat dikesan pengasasnya. Kerjasama antara anggota lineage ialah dalam upacara ulang tahun kematian tetapi tidak dalam bidang ekonomi. Di dalam lineage mengambil bahagian dan juga turut memberi sumbangan samada wang, barangan ataupun perkhidmatan.

Kelompok lineage tidak mempunyai ketua secara rasmi tetapi dalam satu-satu lineage terdapat satu hingga sepuluh buah rumahtangga. Dalam kampung Peringat tidak terdapat pengelompokan satu lineage dalam satu-satu kawasan.

Sistem persanakan juga berdasarkan suku atau clan. Dalam masyarakat Cina, suku atau clan merupakan suatu bentuk kelompok persanakan yang penting. Keadaan seumpama itu tidak wujud di kalangan komuniti Cina Peranakan di Peringat. Sifat

kesukuan (clannishness) tidak memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka. Kekurangan peranan suku adalah disebabkan oleh perubahan dalam sistem kekerabatan dan unit rumah tangga lebih merupakan unit sosial yang bebas.

Kebanyakan orang Cina di Peringat terdiri dari suku Hokkien. Kerjasama antara anggota suku yang ketara ialah upacara tok kong. Upacara ini melibatkan kesemua clan dalam kampung ini.

Orang Cina secara umumnya menggunakan istilah waris (chin chek) bagi merujuk kepada kaum keluarganya. Bagi adik-beradik perempuan menggunakan istilah 'Sio Mai' dan istilah 'Sio tee' bagi adik lelaki. Mereka yang tidak bersaudara dikatakan 'orang lain' ataupun 'gua lang'. Sebagaimana dengan masyarakat Melayu, masyarakat Cina juga menggunakan istilah saudara dekat dan saudar jauh. Dalam komuniti Cina Peringat, saudara dekat dikatakan 'Chin chok kin' dan saudara jauh 'Chin chek hui'.

Saudara dekat termasuklah mereka dari nenek moyang yang sama seperti saudara kandung dan anak mereka, saudara ibubapa dan anak-anaknya, dua pupu, cucu kepada saudara kandung, saudara kandung datuk nenek dan sepupu ibubapa kerap kali dikira



sebagai saudara dekat juga. Saudara jauh ialah saudara tiga pupu, dua pupu kepada ayah dan ibu, anak-anak kepada dua pupu dan setiap yang hubungannya telah jauh.

Dari segi pemilihan pola tempat tinggal selepas berkahwin, masyarakat Cina biasanya mengamalkan sistem uni-local-patrilocal. Daripada 50 orang responden yang ditanya kesemuanya menyatakan selepas berkahwin mereka membawa isteri mereka tinggal bersama keluarganya. Walaupun begitu disebabkan faktor pekerjaan yang lebih bebas bermobiliti dan taraf pendidikan yang semakin meningkat telah menyebabkan sistem tersebut mulai menuju ke arah sistem neolocal. Dalam konteks komuniti Cina Peringat jenis patrilocal dan neolocal diamalkan. Mengikut responden lagi, setelah beberapa lama tinggal bersama keluarganya, mereka akan berpindah dan membentuk keluarga asas. Jadi ini secara tidak langsung telah memecahkan keluarga luas.

Dalam sistem oewarisan harta didapati masyarakat Cina lebih memberikan tumpuan yang berat kepada kaum lelaki. Keadaan sedemikian tidak wujud di dalam komuniti Cina peranakan. Didapati dalam sistem pewarisan harta komuniti Cina Peringat mengamalkan sistem yang lebih menyerupai orang Melayu (sistem 'faraidh'), Sistem pewarisan harta tersebut menekankan bahawa semua anak tanpa mengira jantina akan mendapat bahagian masing-masing.

Jadual 4.2

## ANGGOTA KELOMPOK LINEAGE KOMUNITI CINA

## KAMPONG PERINGAT

SURNAME (LINEAGE)	BILANGAN
Lee	10
Sor	6
Tan	5
Koh	4
Lim	3
Kang	3
Kho	2
Chiok	2
Lua	2
Yong	2
Teng	1
Lau	1
Uai	1
Wie	1
Chia	1
Tham	1
Gan	1
Khor	1
Chew	1
Low	1
Onn	1
JUMLAH	50



## Jadual 4.3

Istilah Rujukan Yang digunakan Oleh Komuniti  
Cina Kampung Peringat.

Kekeluargaan		Istilah Rujukan	
		Sebelah Bapa	Sebelah Ibu
Bapa	Apaa/ Cek	-	-
Ibu	Mak/ Mami	-	-
Bapa Mertua	Apaa/ Cek	-	-
Ibu Mertua	Mak	-	-
Anak lelaki/ perempuan	Kia	-	-
Cucu lelaki/ perempuan	Soon	-	-
Abang	Koo	-	-
Kakak ipar	Soo	-	-
Kakak	Chi	-	-
Abang ipar	Hia	-	-
Adik lelaki/ perempuan	Ek>Nama	-	-
Menantu lelaki	Kia Sai	-	-
Menantu perempuan	Sim Pu	-	-
Waris (dekat)	Chin Chek	-	-
Hubungan darah	Chin Lang	-	-
Nenek	-	Choo	Choo
Datuk lelaki	-	Kong	Kong
Datuk perempuan	-	Ma	Ma
Abang Datuk	-	Pek Kong	Ku Kong
Isteri Datuk saudara(tua)	-	Um Poo	Kim Poo
Adik lelaki datuk	-	Chek Kong	Ku Kong
Isteri Datuk saudara (muda)	-	Cim Poo	Kim Poo
Kakak datuk	-	Koa Poo	Ee Poo
Adik perempuan datuk	-	Koa Poo	Ee Poo
Suami datuk saudara (muda/tua)	-	Tiun Kong	Tiun Kong
Kakak bapak	-	Koa	Ee
Adik perempuan	-	Koa	Ee
Suami ibu saudara (tua/muda)	-	Tiun	Tiun
Abang ibu	-	Pek	Ku
Isteri bapa saudara	-	Um	Kim
Adik lelaki	-	Chek	Ku
Abang sepupu	-	Koo	Koo
Isteri bapa saudara (muda)	-	Chim	Kim
Kakak sepupu	-	Chi	Chi
Adik sepupu lelaki	-	Ek	Ek
Anak saudara perempuan	-	Soon na	Soon na

Dalam masyarakat Cina bersedudukan secara haram adalah dilarang. Oleh itu perkahwinan amat perlu, dalam masyarakat ini kerana ianya dapat pengesahan daripada masyarakat sekeliling ke atas anak-anak dan isterinya. Masyarakat Cina juga memandang hina terhadap pasangan yang melakukan hubungan secara haram. Seorang perempuan yang berani mengikut sahaja seorang lelaki akan dikecam dan disingkir dalam masyarakatnya.

Perkahwinan orang Cina boleh dijalankan secara simple melalui civil registration ataupun melalui yang lebih kompleks dengan menggunakan gown mandarin. Kebiasaannya pasangan yang berkahwin melalui proses pendaftaran atau choo chet yang disahkan. Perkahwinan tanpa keramaian jarang sekali berlaku dalam masyarakat ini. Bagi mereka yang berada, mereka akan mengadakan kenduri yang lebih besar dan meriah. Sementara bagi yang miskin, mereka akan mengadakan secara ala kadar sahaja.

Perkahwinan dan memilih jodoh sememangnya diatur dalam masyarakat Cina ini. Biasanya pemilihan secara tradisional adalah melalui Chinese horoscope (dalam dialek hokkien disebut Tong Su). Ini bermaksud pemilihan jodoh berdasarkan penyesuaian didalam 12 simbol binatang.(1) Bagi golongan

---

1) 12 bintang ialah tikus, lembu, harimau, arnab, naga, ular kuda, kambing, monyet, ayam, anjing dan babi. Tiap-tiap satu simbol mewakili satu tahun dan tiap-tiap satu pusingan adalah 12 tahun.



tua atau ibubapa yang berfahaman lama mereka tetap percaya pada bintang-bintang ini. Mengikut mereka jika kedua-dua pasangan tersebut berkahwin dengan bintang yang tidak ber-sesuaian maka perkahwinan mereka tidak kekal lama. Dikatakan juga pasangan yang mempunyai bintang yang sama tidak digalakkan berkahwin.

Suatu perkahwinan juga biasanya dilakukan dalam bulan dua, empat, lapan dan dua belas (mengikut kalendar Cina) (2). Ini kerana bulan-bulan ini dikatakan baik untuk mengadakan kenduri-kendura. Sebenarnya masyarakat Cina amat teliti dalam pemilihan tarikh perkahwinan. Mengikut Theodora Lau (1981 : 1) orang-orang Cina mempercayai hidup mereka banyak dipengaruhi oleh lambang-lambang zodiak, seperti kata orang Cina 'This is animal hides in your heart'.

Sebagaimana dengan masyarakat lain di Malaysia, masyarakat Cina juga mengalami perubahan dalam pola pemilihan jodoh. Dalam komuniti Cina Peringat pemilihan jodoh masih lagi berada ditangan ibubapa. Kalau suatu perkahwinan itu tidak dipersetujui (3) oleh ibubapa maka perkahwinan tersebut

---

2) Dalam loghat Hokkien dipanggil Jee Goik, See Goik, Lak Goik Pek Goik, dan Cap Jee Goik.

3) Tidak sisetujui kerana bintang @ zodiak yang tidak serasi ataupun latarbelakang keluarga perempuan tidak baik.

akan dibatalkan. Walaubagaimanapun kebiasaannya ibubapa akan menyetujui pilihan anak-anaknya. Seorang lelaki yang telah berkenan dengan seorang perempuan maka dia akan memperkenalkan perempuan itu kepada keluarganya. Ibubapa lelaki tersebut, kemudiannya akan menyiasat latarbelakang, tempat tinggal, pekerjaan dan sebagainya tentang gadis tersebut. Biasanya gadis itu akan beberapa kali ke rumah lelaki supaya ia dapat menyesuaikan diri dengan keluarga lelaki itu. (4)

Setelah dipersetujui barulah diadakan proses melamar. Biasanya tugas ini diserahkan kepada orang tertentu (bukan ibubapa lelaki) yang disebut Boon Lang. Setelah kata sepakat dicapai barulah ditetapkan tarikh pertunangan. Semasa pertunangan pihak lelaki akan membawa barang-barang kemas seperti sebetuk cincin, seutas rantai leher, sebuah loket, sepasang gelang, buah-buahan, lapan pasang pakaian, 2 botol arak dan kek. Tetapi ini semua bergantung kepada kemampuan pihak lelaki.

Setelah acara pertunangan dijalankan, kemudian akan diikuti pula oleh perkahwinan atau persandingan. Perlu diingatkan tarikh perkahwinan akan ditetapkan kemudian setelah

---

4) Dikatakan juga sebagai 'perkahwinan percubaan'.



upacara pertunangan selesai. Kedapatan juga keluarga Cina di Kampung Peringat yang menjalankan upacara pertunangan serentak dengan upacara perkahwinan. Ini dilakukan bagi menjimatkan masa dan belanja.

Dalam upacara perkahwinan pengantin lelaki<sup>(5)</sup> biasanya memakai 'Coat' dengan 'tie' dan pengantin perempuan (6) pula memakai gaun putih ala barat. Terdapat juga upacara-upacara tradisi seperti penyembahan dan upacara ritual yang agak ringkas. Biasanya jenis pakaian yang akan membezakan samadanya dijalankan mengikut cara lama atau moden.

Di pagi-pagi hari pperkahwinan pengantin lelaki dengan diiringi oleh pengapitnya (7) serta ahli keluarganya dan kawan-kawannya akan menjemput pengantin perempuan. Biasanya pihak lelaki akan menjemput pengantin perempuan dengan kereta besar (8) dan dihias cantik. Pengantin perempuan akan diiringi oleh pengapit perempuan (9) serta ahli-ahli keluarga

5) Pengantin lelaki dalam bahasa Hokkien dipanggil Kia Sai.

6) Pengantin perempuan pula dipanggil Sing New.

7) pengapit lelaki dalam loghat Hokkien dipanggil Kiasai khua.

8) kereta besar dan mewah melambangkan status keluarga lelaki.

9) pengapit perempuan di panggil juga Sing New khua dalam loghat Hokkien.

nya dengan membawa bersama-sama sehelai kain selimut, 3 biji bantal golek, pakaian, peralatan dapur dan 2 batang tebu ke rumah lelaki.

Upacara perkahwinan dijalankan di hadapan altar di ruang tamu atau tengah rumah (thia), Kemudian diadakan upacara minum teh untuk ibubapa dan saudara mara yang sudah berkeluarga. Teh dihidangkan oleh kedua pengantin kepada ibubapa dan saudara mara mengikut 'seniority' ataupun pangkat. Kemudian angpau akan diletakkan di atas dulang itu. Setelah itu kedua pengantin akan menyembah atau kui sebanyak 3 kali sebagai tanda hormat.

Setelah selesai upacara pernikahan, pengantin lelaki kemudiannya akan memberi angpau kepada saudara mara pihak perempuan yang masih kecil. Jumlah isi angpau bergantung kepada kemampuannya. Upacara yang sama dilakukan di rumah pengantin perempuan. Upacara seterusnya adalah makan dan minum teh. Tujuannya adalah untuk memperkenalkan pengantin kepada saudara mara kedua belah pihak. Upacara ini juga menandakan pasangan tersebut telah diterima dan disahkan.

Upacara terakhir adalah membuat pendaftaran (choo Chek) dan mengambil gambar sebagai kenang-kenangan. Keluarga yang dekat akan mengiringi kedua pengantin tersebut ke tempat pendaftaran bagi mengesahkan perkahwinan mereka dari segi



perundangan. Pendaftaran ini juga boleh memberi jaminan agar perempuan itu tidak boleh diceraikan sesuka hati sahaja. Kemudian mereka akan ke kedai gambar untuk mengambil gambar. Gambar-gambar tersebut akan dibahagi-bahagikan kepada saudara yang dekat dan kawan-kawan pengantin tersebut.

Bentuk-bentuk perkahwinan dalam komuniti Cina Peringat adalah bersifat exogami. Ini bermakna pemilihan pasangan hidup adalah di luar daripada kelompok lineage. Perkahwinan secara endogami atau dalam kelompok tidak digalakkan. Ini kerana bagi mengelakkan berlakunya kerenggan dalam kekeluargaan bila berlakunya penceraihan. Contohnya lineage 'Tan' tidak boleh berkahwin dalam lineage 'Tan' walaupun mereka tidak mengenali antara satu sama lain. Ini kerana mereka percayai bahawa mereka berasal dari lineage asal yang sama. Jarang sekali berlaku perkahwinan exogami.

Masyarakat Cina kebanyakannya mengamalkan perkahwinan monogami. Ini bermakna mereka hanya berkahwin seorang perempuan dalam satu masa. Mereka akan berkahwin lagi setelah isterinya meninggal. Namun begitu tidak dapat dielakkan mereka mempunyai perempuan simpanan ataupun perempuan yang tidak dikahwini secara sah.

Sebagai rumusannya dapat dikatakan bahawa banyak perkara dalam sistem persanakan dan perkahwinan telah mengalami perubahan. Walaupun begitu masih terdapat beberapa perkara yang berbeza dengan orang Melayu kampung Peringat.

Didapati komuniti Cina Peranakan Peringat tetap teguh mengamalkan sistem patrilineal. Ini bermakna keturunan orang-orang Cina adalah disusurgalurkan melalui nisab bapanya dengan penggunaan surname. Mereka juga mengamalkan sistem patrilocal. Selepas berkahwin sisuami wajib membawa isteri mereka ke rumah keluarga mereka dahulu.

Dalam sistem perkahwinan, penduduk Cina peranakan juga masih teguh dengan adat-istiadat yang diwarisi dari nenek moyang mereka. Dalam pemilihan jodoh, masyarakat Cina amat mengambil berat dalam hal ini. Menantu yang dipilih adalah berdasarkan kepada penyesuaian didalam 12 simbol beinatang. Calon yang hendak berkahwin juga dielakkan dari mempunyai surname yang sama. Maksudnya surname Koh dielakkan dari berkahwin dengan surname Koh juga. Ini kerana mereka dianggap berasal dari keturunan yang sama dan ini seharusnya dielakkan.



4.3 Amalan Upacara minum teh oleh ibubapa dan saudara mara juga tetap diamalkan. Masyarakat Cina peranakan Peringat juga menentang keras anak-anak mereka memeluk Islam. Ini menunjukkan mereka masih kuat dengan adat istiadat yang asal dan seboleh-bolehnya mereka ingin mengekalkan identiti kecinaan.

Ini adalah sama dengan pekerjaan penduduk Melayu teras. Namun begitu terdapat juga beberapa kegiatan-kegiatan ekonomi yang berbeza dengan Orang Melayu. Pekerjaan ini memisahkan ataupun mengasingkan orang Cina dengan orang Melayu.

Penduduk Cina Peringat juga menjalankan kegiatan perternakan babi-kampung. (10) Perternakan babi juga boleh mendatangkan sumber pendapatan kepada penduduk disini. Harga babi sebenarnya tidak begitu kerana bergantung kepada permintaan dari orang ramai dan pasaran dari pembekal. Biasanya harga babi adalah \$102 bagi 100 kati. Terdapat pemborong-pemborong yang datang membeli babi-babi di kampung ini.

Terdapat 12 buah rumah yang pernah memelihara babi. Mengikut responden, perternakan babi tidaklah mendatangkan keuntungan yang besar kepada mereka. Ini kerana harga babi adalah rendah berbanding dengan kos perbelanjaan membeli makanan. (11) Lagipun masa yang membolehkan babi-babi dijual adalah lama iaitu lebih kurang empat bulan. Oleh itu sekarang hanya terdapat dua-tiga buah rumah sahaja yang memelihara babi. Mereka lebih suka membeli daging babi yang telah siap di pasar dari memelihara.

#### 4.3 Amalan Sosial dan Ekonomi.

Kegiatan ekonomi utama penduduk Cina kampung Peringat adalah dalam bidang pertanian. Kebanyakan daripada mereka menjadi pesawah dan pemoreh getah. Kegiatan-kegiatan ini adalah sama dengan pekerjaan penduduk Melayu tempatan. Namun begitu terdapat juga beberapa kegiatan-kegiatan ekonomi yang berbeza dengan Orang Melayu. Pekerjaan ini membezakan ataupun mengasingkan orang Cina dengan orang Melayu.

Penduduk Cina Peringat juga menjalankan kegiatan perternakan babi-kampung.(10) Perternakan babi juga boleh mendatangkan sumber pendapatan kepada penduduk disini. Harga babi sebenarnya tidak tetap kerana bergantung kepada permintaan dari orang ramai dan penawaran dari pembekal. Biasanya harga babi adalah \$102 bagi 100 kati. Terdapat pemborong-pemborong yang datang membeli babi-babi di kampung ini.

Terdapat 12 buah rumah yang pernah memelihara babi. Mengikut responden, perternakan babi tidaklah mendatangkan keuntungan yang besar kepada mereka. Ini kerana harga babi adalah rendah berbanding dengan kos perbelanjaan membeli makanan.(11) Lagipun masa yang membolehkan babi-babi dijual adalah lama iaitu lebih kurang empat bulan. Oleh itu sekarang hanya terdapat dua-tiga buah rumah sahaja yang menternak babi. Mereka lebih suka membeli daging babi yang telah siap di pasar dari menternak.



Perternakan babi tidaklah memerlukan kawasan yang luas. Keluasan kandang adalah lebih kurang 15 X 15 kaki. (12) Kandang ini diletakkan jauh sedikit dari pandangan umum. Terdapat juga mereka yang melepaskan babi di waktu siang dan mengkurungnya di waktu malam.

Kebiasaannya babi disembelih apabila hendak diadakan sesuatu perayaan seperti Tahun Baru China ataupun kenduri perkahwinan dan kematian. Daging babi digunakan untuk upacara-upacara ceremoni. Hari-hari biasa mereka jarang sekali menyembelih babi dan makanan mereka sama dengan orang Melayu tempatan. (13)

- 
- 10) Babi terbahagi kepada dua - babi kampung dan babi luar negeri. Kedua-duanya berbeza. Babi kampung lebih comot dan kandangnya kotor. Manakala babi luar negeri dimandi dan kandangnya disimen. Penduduk kampung Peringat hanya menternak babi kampung sahaja.
  - 11) Makanan babi - biasanya 'dedak' (bee kung) yang dihasilkan dari proses memesinkan padi. Dedak dicampur dengan daun keladi yang dimasak dengan sisa makanan.
  - 12) Keluasan kandang bergantung kepada tuannya babi dan jumlah babi. Jika babi banyak ditenak maka kandang lebih luas.
  - 13) Makanan yang biasa dimakan adalah nasi, budu, pucuk-pucuk kayu, ikan basah dan ikan kering. Jenis masakan juga menyerupai masakan orang Melayu.

Masyarakat Melayu tempatan tidak menghalang ataupun menyekat orang Cina menternak babi. Ini kerana babi yang ditenak jauh dari rumah orang Melayu dan babi itu tidak merayau-rayau jauh apabila dilepaskan. Walaupun orang Melayu haram menyentuh dan makan babi tetapi mereka tidak pula memandang hina kepada orang Cina yang menternak babi. Mereka tetap mengunjungi dan bertandang ke rumah orang Cina yang menternak babi. Mereka faham bahawa agama orang Cina tidak menghalang pengikut-pengikutnya makan dan memelihara babi. Orang Cina juga faham Islam mengharamkan babi. Oleh itu mereka cuba mengelakkan binatang ini merayau-rayau ke rumah orang Melayu. Oleh yang demikian ini dapat menjamin agar keharmonian sentiasa terjamin.

Hampir keseluruhan penduduk Cina kampung Peringat memelihara anjing. Anjing ini dipelihara untuk menjaga keselamatan mereka. Binatang ini vukanlah merupakan sumber pencarian mereka. Ianya dipelihara untuk tujuan keselamatan mereka sahaja. Binatang ini juga tidak dipelihara oleh orang Melayu.

Pemeliharaan anjing di rumah-rumah sebenarnya boleh mendatangkan masalah kepada orang yang hendak datang bertandang.



Masalah ini juga dihadapi oleh pengkaji sewaktu menjalankan penyelidikan. Pengkaji merasa bimbang dan takut apabila melihat anjing-anjing berkeliaran dan yang datang menyalak. Orang-orang Melayu terpaksa berhati-hati jikalau hendak ke rumah orang-orang Cina. Sebenarnya anjing-anjing ini menyalak dan menerkam orang yang tidak dikenali ataupun orang yang datang dengan tujuan yang jahat. Anjing ini juga faham dengan bahasa isyarat tuannya.

Orang Melayu sekitar tidak menghalang atau menyekat orang Cina memelihara anjing. Walaupun begitu pemeliharaan anjing sedikit sebanyak telah menghalang proses lawat-melawat berlaku dengan lebih kerap.

Penduduk Cina Peringat juga menjalankan perniagaan arak. (14) Kegiatan ini tidaklah berleluasa dan sukar dikesan. Terdapat tiga buah rumah yang menjalankan kegiatan tersebut. Masyarakat Melayu tidak ada yang membuat atau berniaga arak. Orang Cina biasanya membuat Pek Chew (arak putih) sahaja. Proses membuatnya dilakukan di hutan dan jauh dari pandangan umum.

---

14) Arak dalam loghat Hokkien dipanggil Chew. Arak yang dijual oleh penduduk di sini adalah arak putih (pek chew) dan guiness stout. Harga sebotol Pek Chew \$1.50 sebotol.

Ternyata kegiatan ini telah mendatangkan kemarahan orang Melayu sekitar. Mereka marah kerana kegiatan ini telah membantu orang Melayu untuk turut meminumnya. Terdapat orang Melayu yang datang membeli dan meminum arak di rumah orang Cina. Minuman ini boleh menimbulkan pergaduhan terutamanya apabila terlalu banyak meminumnya dan mabuk. Walaupun begitu kegiatan ini merupakan sumber tambahan pendapatan orang Cina.

Pernah terjadi pergaduhan antara orang Melayu dengan orang Cina apabila mereka mabuk. Punca pergaduhan adalah kerana pertelingkahan sedikit pendapat. Satu sikap yang tidak baik apabila mabuk ialah mereka akan bercakap tanpa berfikir panjang dan ini boleh menimbulkan pergaduhan.

Kegiatan ini sukar dihapuskan ataupun dibentaras. Ini kerana terdapatnya permintaan yang baik dari penduduk Cina sendiri dan orang Melayu sekitar. Tambahan pula tidak terdapat mereka yang berani tampil ke hadapan untuk membuat aduan kepada polis. Ini kerana si pembuat arak itu adalah saudara mara mereka juga.



#### 4.4 Keanggotaan Politik

Di dalam kemuniti ini terdapat juga parti-parti politik yang bercorak perkauman. Parti-parti tersebut adalah parti GERAKAN dan parti MCA, Penubuhan parti MCA cawangan Peringat sukar ditentukan tetapi ianya lewat tahun-tahun 1970 an. Parti GERAKAN pula ditubuhkan dalam tahun 1986.

Satu yang amat menyedihkan adalah kedua-dua parti tersebut mempunyai penyokong masing-masing. Boleh dikatakan kesemua penduduk Cina Peringat Hulu menyokong parti GERAKAN dan penduduk Cina Peringat Hilir menyokong kuat parti MCA. Namun begitu mereka tidaklah bergaduh ataupun tidak bertegur sapa kerana berlainan parti. Mereka tetap berhubung antara satu sama lain.

Dalam menghadapi pilihanraya umum, kesemua penduduk disini bersatu untuk menyokong kerajaan. Mereka turut mengadakan kempen-kempen dan beberapa siri ceramah. Bolehlah dikatakan dalam pilihanraya 1986, kemenangan parti kerajaan adalah disebabkan undi dari penduduk kampung ini.

Penubuhan parti-parti ini melambangkan bahawa mereka menyokong kuat parti kerajaan. Melalui parti ini mereka dapat meminta bantuan atau mengkritik kerajaan. Contohnya mereka pernah mendapat bantuan pasir untuk membina jalan dalam kampung tersebut. Mereka juga meminta bantuan kerajaan untuk membeli kerusi meja. (15) Parti-parti ini menjadi simbol ke-utuhan dan perpaduan yang terdapat di dalam kampung ini.

---

- 15) kerusi meja ini diberikan oleh Parti GERAKAN kepada penduduk Peringat Hulu. Kerusi meja ini boleh digunakan oleh kesemua penduduk kampung Peringat. Biasanya ianya dipinjam apabila hendak diadakan perayaan.



#### 4.5 Keanggotaan Persatuan

Di dalam kampung ini terdapat persatuan-persatuan. Persatuan ini bercorak perkauman dan tidak mempunyai organisasi yang tersusun. Ketua-ketua hanya dilantik secara tidak langsung. Persatuan ini diketuai oleh orang-orang tua dan beberapa yang berpendidikan formal.(16)

Salah satu persatuan yang penting di dalam kampung ini adalah persatuan Tok Kong. Persatuan ini dianggotai oleh kesemua penduduk di kampung ini. Ianya ditubuhkan 30 tahun yang lampau. Tarikh yang tepat tidak dapat diberikan kerana kebanyakan responden tidak mengingati tarikh sebenar penubuhan persatuan ini. Dahulu setiap ahli dikenakan yuran sebanyak \$1.00. Sekarang yuran tersebut tidak dikenakan lagi. Sumber kewangan diperolehi melalui sumbangan orang ramai dan melalui 'bunga' (17) yang dikenakan keatas peminjam. Kadar bunga yang dikenakan adalah 20 % setahun.

---

16) Orang yang berpendidikan terdiri dari guru-guru dan mereka yang berpendapatan yang agak lumayan.

17) Dalam Hokkien dipanggil 'Ice Set'.

Di kampung Peringat terdapat dua persatuan Tok Kong. Pertamanya Persatuan Tok Kong Peringat Hilir dan keduanya persatuan Tok Kong Peringat Hulu. Masing-masing persatuan ini menjalankan kegiatan keagamaan secara berasingan. Menurut orang tua disini perpecahan ini kerana terdapat percanggahan pendapat dalam mengendalikan upacara keagamaan. Persatuan ini terus wujud secara berasingan. Walaupun persatuan ini telah berpecah tetapi keahliannya terbuka kepada kedua-dua kampung tersebut. Walaupun begitu penduduk Melayu tidak menganggotai persatuan ini.

Persatuan ini telah membantu mengeratkan tali perhubungan di kalangan penduduk kampung ini. Melalui kegiatan-kegiatan yang dijalankan, ianya dapat memberi peluang kepada penduduk di sini bertemu dan berbincang sebarang masalah. Kewujudan persatuan ini juga membuktikan bahawa penduduk di sini hidup bermaufakat.

Fungsi utama persatuan ini adalah mengendalikan upacara keagamaan. Setiap aktiviti yang diadakan oleh persatuan ini mesti diikuti oleh semua penduduk. Ini bagi mengelakkan dari dipulau oleh masyarakat. Persatuan ini juga untuk mengubati penyakit ataupun dirasuk hantu. Disini peranan 'tangki' digunakan. 'Tangki' akan menurun dan mulai menjalankan upacara mengubati.



Diantara kegiatan-kegiatan persatuan ini adalah mengadakan upacara chia sing.(18) Upacara ini dijalankan pada hari keempat Tahun Baru Cina. Sehari sebelum Tahun Baru Cina masyarakat Cina mengadakan upacara San Sing,(19). Pada hari ketiga Tahun Baru, masyarakat Cina menjalankan pula upacara Chia Sing.

Bagi menyambut upacara ini masyarakat Cina Peringat mengadakan suatu acara perarakan Tok Kong di suatu tempat sunyi. Biasanya tempat yang dipilih adalah di tepi pantai, bukit dan di sebuah pulau. Bagi penduduk Cina Peringat Hilir kebiasaannya perarakan ini dilakukan di sebuah pulau dan ditereng bukit. Sementara penduduk Cina Peringat Hulu pula seringkali mengadakan perarakan di tepi pantai.

Pada pagi hari raya ketiga, penduduk disini akan mulai berangkat ke tempat yang telah ditetapkan. Mereka membawa bekal makanan, kemah, lampu dan Tok Kong-Tok Kong. Lebih kurang pukul satu pagi pada hari raya keempat, mereka mulai menjalankan upacara Chia Sing.

18) Dalam bahasa Malaysia dipanggil menjemput dewa dapur pulang ke rumah.

19) menghantar dewa dapur pulang ke langit untuk menemui tuhan.

Tok kong diikat pada pengusung (20) dan kemudiannya di bawa ke tepi pantai. Biasanya diatas pengusung terdapat tiga atau empat Tok kong. Menjelang pukul lima pagi barulah upacara ini tamat. Selepas itu menjelang pukul enam pagi mereka mulai bertolak pulang.

Perarakan Tok kong juga dilakukan bagi menyambut malam Chap Goo Mei. Perayaan ini diadakan bagi menandakan berakhirnya Tahun Baru Cina, Ia dijalankan pada malam ke 15 mengikut takwim Cina. Upacara ini dijalankan di sebelah malam. Pada malam tersebut, Tok kong diusung dari sebuah rumah ke sebuah rumah yang lain. Tiap-tiap rumah akan menyediakan buah-buahan dan makanan diatas meja dan diletakkan di hadapan rumah. Mereka juga menyediakan unggun api. Tok kong kemudiannya dibawa melintasi unggun api yang sedang menyala sebanyak tiga kali. Lewat malam barulah upacara ini selesai.

Persatuan Tok kong juga mengadakan perayaan menyambut ulangtahun kelahiran dewa (Ang kong su). Bagi menentu-

---

20) pengusung (kio) dibawa oleh empat orang. Ianya berwarna merah. Di bahagian hadapan kio terdapat lambang naga.



kan rumah siapa yang patut mengadakan perayaan ini, di adakan pengundian (pua pei). Penduduk kampung yang lain akan membantu rumah yang dipilih untuk mengadakan perayaan Ang Kong Su. Bantuan tersebut dalam bentuk wang, tenaga dan peralatan.

Biasanya sempena menyambut Ang kong su, mereka mengadakan permainan tradisional seperti wayang kulit dan menora (Siam Hee). Biasanya permainan ditonton oleh penduduk Cina dan Melayu. Upacara perarakan Tok kong diadakan bagi menyambut hari tersebut.

Segala kegiatan keagamaan ini tidak dilibati oleh masyarakat Melayu. Penduduk Melayu hanya memerhati sahaja, segala kegiatan tersebut. Ini bermakna mereka turut sama meraikan perayaan-perayaan ini secara tidak langsung. Penduduk Melayu juga tidak menunjukkan tanda marah ataupun rasa tidak puas hati kepada penduduk Cina. Ini menggambarkan penduduk Melayu memahami tentang kebudayaan komuniti Cina ini.

Disamping persatuan Tok kong terdapat juga di dalam komuniti ini 'kelab Judi'. Terdapat dua buah rumah yang menjalankan kegiatan ini tiap-tiap hari. Permainan judi yang sering diadakan adalah Mah Jong dan main puak kiaw.

Secara umumnya permainan ini dimainkan untuk memenuhi masa lapang bukannya sebagai sumber pendapatan. Permainan ini juga disertai oleh penduduk Melayu. Tan Chee Beng menyatakan:

"Today, we can see Malays, Chinese and Thai spending their leisure time together, playing manjong or watching Malay shadow or the Thai dance-drama called Menora." (1984 :.196)

Ini membuktikan bahawa kedua kumpulan etnik berkongsi corak kehidupan yang sama. (sharing of community life among the different ethnic groups)

Walaupun terdapat serbua-serbuan yang dilakukan tetapi kegiatan ini terus berlaku. Permainan ini menjadi meriah apabila menjelang Tahun Baru China dan kenduri. Kesukaran untuk membendung kegiatan ini adalah kerana terdapat 'kaki' yang memberitahu jika terdapat anggota polis masuk ke kampung mereka. Jadi sudah pasti serbuan-serbuan akan gagal.

Di dalam komuniti ini terdapat juga persatuan bola sepak yang dikenali sebagai Persatuan Bolasepak Cina Peringat. Persatuan ini hanya dianggotai oleh orang Cina sahaja. Ianya ditubuhkan dalam tahun 1976 dengan keahliannya berjumlah 50 orang. Yuran yang dikenakan adalah \$1.00 sebulan.



Sekarang persatuan ini tidak lagi mengenakan yuran kepada ahli kerana tidak ada seorang pun yang menjelaskan yuran.

Pada umumnya persatuan ini ditubuhkan untuk mewujudkan tali persahabatan antara penduduk kampung itu. Ianya juga membuktikan bahawa di dalam kampung ini memang terdapat 'solidarity'. Persatuan ini juga ditubuhkan untuk membantu dalam kerja-kerja kebajikan seperti kenduri, kematian, membersihkan kubur dan derma kilat.

Sebagai sebuah persatuan bolasepak, sudah tentulah tujuan diberikan lebih kepada permainan tersebut. Di dalam komuniti ini terdapat satu pasukan bolasepak yang pemain-pemain masih lagi belia remaja. Pasukan ini pernah mengadakan perlawanan-perlawanan persahabatan dengan pasukan sekitar dan diluar jajahan.

Di samping mengadakan perlawanan bolasepak, persatuan ini juga tidak ketinggalan mengadakan kegiatan kebajikan seperti gotong-royong membuat jalan dan membersihkan kubur. Mereka juga menawarkan tenaga mereka dalam hal-hal kematian dan kenduri perayaan. Mereka juga mengadakan derma kilat bagi membantu anggota-anggotanya menghadapi masalah kewangan. Di samping itu kegiatan rekreasi seperti berkelah dan melancong juga diadakan.

Masalah utama yang dihadapi oleh persatuan ini adalah kewangan. Dahulu sumber kewangan yang utama ialah yuran yang dikenakan keatas setiap ahli. Sekarang yuran itu tidak lagi dijelaskan oleh ahli-ahli. Sekarang ini persatuan bergantung kepada bantuan orang perseorangan. Masalah lain adalah kurangnya sokongan moral dari golongan tua. Golongan tua akan memberi sokongan yang kuat sekiranya ia melibatkan kerja-kerja kebajikan. Persatuan ini juga tidak mempunyai pemimpin yang dapat menjalankan tugas sepenuh masa. Kebanyakan daripada mereka berpendapatan rendah dan tidak mempunyai masa untuk mengendalikan persatuan ini. Oleh itu seperti kata pepatah, 'hidup segan, mati tidak mahu'.



#### 4.6 Kesimpulan

Walaupun terdapat proses integrasi tetapi orang Cina masih tetap cuba membezakan diri mereka dengan orang Melayu. Penduduk Cina disini mengadakan kegiatan-kegiatan yang berasingan dengan orang Melayu. Mereka menjalankan kegiatan-kegiatan politik, ekonomi dan sosial yang berbeza dengan orang Melayu.

Di dalam kampung Peringat terdapat beberapa persatuan misalnya Persatuan Belia 4B cawangan Kampung Peringat dan persatuan Bolasepak Belia 4B Kampung Peringat. Malangnya ia dianggotai oleh orang Melayu sahaja. Penduduk Cina tidak berminat untuk turut serta dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh persatuan ini, kecuali dalam hal-hal kebajikan dan keselamatan. Masyarakat Melayu juga tidak melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan orang Cina. Ini kerana kegiatan orang-orang Cina bercorak keagamaan. Jesteru itu ianya menampilkan suatu sempadan antara orang Cina dengan orang Melayu. Walaupun begitu sempadan ini tidak begitu jelas sebagaimana dalam hal-hal keagamaan.

## BAB 5

AGAMA KOMUNITI CINA PERANAKANKAMPUNG PERINGAT5.1 Pendahuluan

Agama orang Cina merupakan kombinasi daripada confucianisme, Taoisme dan Buddhisme. Sebenarnya ketiga-tiga ajaran itu sukar untuk dipisahkan dengan corak kehidupan masyarakat Cina. Disamping mengekalkan tempat pemujaan pada setiap rumah, orang-orang Cina juga memuja kuil-kuil atau di bio serta mempercayai pada hantu dan keramat.

5.2 Agama-agama Utama

Dalam komuniti Cina Peranakan Kampung Peringat boleh dikatakan 100 % mengamalkan ajaran Buddhisme, Confucianisme dan Taoisme. Dalam komuniti ini hanya dua keluarga sahaja anaknya pernah menjadi sami (1) atas kerelaan diri sendiri. Ada juga memnuhi nazar (2) yang dilakukan oleh ibu-bapa atau ahli keluarga yang lain kerana sakit atau berjaya dalam sesuatu hal. Untuk menjadi sami seseorang mestilah mencapai umur duapuluh satu tahun.

---

1) Dalam bahasa Siam dipanggil 'phra' - dalam loghat Kelantan dikatakan 'masuk cha'

2) Nazar dalam bahasa Siam dipanggil 'keeboon'.



Hakikat sebenarnya ibubapa akan merasa bangga jika anaknya menjadi sami atau phra. Menurut satu keluarga dengan menjadi sami seolah-olah anaknya telah membalas bakti yang dicurahkan kepada anak-anaknya. Anak-anak yang menjadi sami dikatakan telah mendapat suatu cahaya dari tuhan dan dia dikatakan akan mendapat rahmat (salvation) nanti. Keadaan ini memang dinyatakan oleh Max Weber berkenaan dengan agama protestant. Menurut penganut-penganut agama protestant telah ditentukan siapa yang akan mendapat rahmat dari tuhan. Mereka yang bekerja kuat dan bersungguh-sungguh akan mendapat rahmat tersebut. Ini mendorong penganut-penganut agama protestant berbuat demikian untuk mendapat rahmat dari Tuhan. Dalam konteks sami tadi, masyarakat Cina inginkan anaknya menjadi sami supaya mendapat rahmat dari Tuhan. Menjadi sami juga membolehkan kita lebih bersifat sabar, tekun dan tenang disamping mengetahui dengan lebih mendalam tentang Buddhism.

Apa yang menghairankan, walaupun menjadi sami mulia tetapi mengapakah hanya segelintir sahaja yang sanggup menjadi phra(3). Hingga kini terdapat 2 orang sahaja komuniti Cina Peranakan Peringat yang menjadi sami. Amat menyedihkan lagi

---

3) Phra adalah panggilan bagi mereka yang baru menjadi sami.

tidak terdapat langsung daripada 50 orang responden yang di temuduga menyatakan dia pernah masuk sami atau mea chii (4). Faktor utama yang tidak mendorong golongan muda menjadi sami adalah faktor jarak. Maksudnya kedudukan kampung Peringat adalah jauh daripada Wat. (5) Didalam komuniti itu sendiri tidak mempunyai Wat. Jadi ini tidak mendedahkan masyarakat disitu dengan situasi hidup di Wat. Ini secara tidak langsung tidak menarik minat generasi muda terhadap sami.

Satu lagi faktor adalah latarbelakang keluarga komuniti Cina Peranakan Peringat. Telah diterangkan bahawa komuniti Cina ini adalah berasal dari negeri China. Jadi mereka tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat Siam. Di pihak ibubapa tidak adapun yang menjadi sami atau meachii. Jadi mereka hanya dapat memberikan galakan kepada anaknya bukan memaksanya menjadi sami.

- 
- 4) Orang perempuan yang tinggal di Wat Siam. Dia biasanya menjalankan tugas-tugas di bahagian dapur Wat. Dia juga berpakaian serba putih.
  - 5) Wat paling dekat terletak di kampung Aril, Pauh Lima, yang terletak lebih kurang 8 batu dari Peringat.



Kita dapati ketua rumahtangga dalam komuniti Cina, juga sebilangan kecil sahaja yang mempunyai pengetahuan tentang upacara-upacara di Wat ataupun pernah ke Wat untuk meraikan suatu perayaan seperti rodnam (6), liang phra (7) dan Thoat Kathin (8) Jadi kekurangan pengetahuan ini menyebabkan mereka tidak dapat mencurahkan kepada anak-anak mereka. Tambahan pula masyarakat Cina Peringat adalah kuat dipengaruhi oleh masyarakat Melayu. Boleh dikatakan sejak dari sekolah lagi mereka telah diorientasikan dengan ajaran Islam. Contohnya yang jelas di sekolah Kebangsaan Peringat boleh dikatakan semua murid-murid diwajibkan belajar agama Islam termasuklah murid-murid Cina.

Jadi tidaklah menghairankan jika dikatakan hampir semua jenerasi muda tidak berminat terhadap ajaran-ajaran di Wat. Tetapi walaupun diorientasi dengan Islam tapi hanya 2 orang sahaja yang telah memeluk Islam.

---

6) Dalam bahasa Standard dipanggil upacara permandian Sami.

7) Dipanggil juga, penyembahan makan kepada Sami.

8) Merupakan suatu perayaan yang diadakan setahun sekali dengan diadakan berbagai permainan seperti menora, rambong (joget Siam) dan wayang gedek (wayang kulit Siam)

---

Ong Guan Sai (1981 :113) menyatakan daripada 46 ketua keluarga didapati 16 ketua keluarga pernah menjadi Sami dan 16 orang pernah menjadi Meachii. Ini tidaklah menghairankan kerana kawasan kajiannya (Mukim Tendong) terdapat sebuah Wat. Wat dijadikan sebagai satu onstitusi dan setiap hari penduduk disitu berkunjung ke Wat. Boleh dikatakan perayaan-perayaan ajaran-ajaran di Wat merupakan sebahagian daripada kehidupan mereka.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, kebanyakan orang Cina menjadi sami dan Mea chii adalah untuk menebus dosa ataupun bernazar. Oleh hal yang demikian ianya dikatakan bercorak sementara sahaja. Mereka akan berhenti menjadi sami dan meneruskan kehidupan sebagai orang biasa. Amalan Caw (Ong Guan Sai, 1981, : 114) Sebelum panggilan nama menunjukkan seseorang itu pernah menjadi sami di waktu yang lepas. Menurut L. Golomb (1978 : 86) orang-orang Cina yang terus kekal menjadi sami biasanya mengalami mobiliti sosial yang menegak disebabkan mereka berpeluang berkhidmat di Wat-Wat yang lebih besar seperti di Kuala Lumpur dan terus berkhidmat di Bangkok. Kebanyakan ketua atau Phoa Than (9) di Kelantan pernah pergi ke Bangkok untuk mendalami ajaran Buddha.

---

9) Phoa Than - orang Melayu Kelantan memanggilnya Tok raja.



Mereka memberi perkhidmatan dalam upacara-upacara persucian seperti upacara pengkebumian selepas menyiapkan mayat. Mereka juga pernah diundang ke majlis perkahwinan, naik rumah baru, pembukaan perniagaan, bersembahyang atau membaca doa untuk orang yang telah meninggal.(10) Di samping itu Sami juga menjadi 'bomoh' untuk menyembuhkan penyakit ataupun tempat mendapat 'air penawar'. Setiap upacara di Wat atau di rumah, orang-orang Cina diharuskan memberi Thambun (11) yang biasanya ditujukan kahas kepada ibubapa atau nenek moyang yang telah meninggal.

Biasanya dalam sesebuah wat mempunyai tempat-tempat seperti kut (12), bood (13), meawat (14), khrua (15) dan Bua (16). Bua juga boleh digunakan oleh orang-orang Cina selain digunakan oleh orang-orang Siam. Kedapatan juga orang-orang Cina yang membakar mayat mangikut amalan Buddha.

- 
- 10) Upacara orang mati seperti makan tujuh hari, seratus hari, genap setahun dan tiga tahun.
  - 11) Tham bun - memberi sedekah atau derma yang biasanya dalam bentuk wang.
  - 12) Kut - adalah tempat kediaman Sami.
  - 13) Bood tempat penyembahan atau sembahyang.
  - 14) Meawat atau mea thit tempat sami-sami bertemu dengan orang ramai.
  - 15) Khrua tempat memasak atau dapur.
  - 16) Bua tempat menyimpan abu atau tulang orang mati.

Di samping mengamalkan ajaran Buddha dan menghadiri upacara-upacara di Wat ada juga penduduk Cina Peringat yang pergi ke Bio (17). Di Bio terdapat berbagai-bagai bentuk patung Buddha. Di samping untuk bersembahyang, kadangkala ia juga merupakan tempat menilik nasib ataupun membayar nazar. Satu lagi badan yang juga melibatkan orang-orang Cina adalah Hoo kau Hoi atau Persatuan Buddhist. Di antara lain peranannya adalah membaca doa apabila ada kematian ataupun menyambut ulangtahun kematian. Bentuk bacaannya adalah dalam bahasa Cina manakala bacaan sami dalam bahasa Siam.

Ramai juga penduduk kampung Peringat yang menjemput badan ini untuk upacara-upacara kematian. Secara umumnya Hoo Kau Hoi dikunjungi oleh orang-orang Cina yang tinggal bandar sahaja. Oleh itu tidaklah menghairankan jika kewujudannya hanya di bandar-bandar sahaja. Badan ini juga mempunyai susunan pentadbiran yang teratur.

- 
- 17) merupakan tempat bersembahyang bagi orang-orang Cina. Ianya berbeza dengan Wat kerana di Wat dikunjungi oleh orang Siam dan Cina. Manakala bio biasanya dikunjungi oleh orang Cina sahaja.
-



Disamping mengamalkan ajaran Buddhisme, komuniti Cina Peringat juga mengamalkan ajaran Taoism. Setiap rumah mereka mempunyai tempat bersembahyang dan menyembah Tok kong,<sup>(18)</sup> atau dewa-dewa. Setiap petang patung-patung ini disembah dengan menggunakan beberapa batang colok (joss stick) yang bilangannya ganjil. Di antara dewa-dewa tersebut adalah Jee Ma, Sa' Ma, Sian Chao Ma, Kuan In Ma dan Teck Kun. Jee Ma dan Siau Chao Ma menjadi perkongsian pemujaan bagi seluruh komuniti Cina di sini.

Dewa-dewa ini mempunyai harijadi atau hari kebesaran masing-masing. Hari kebesaran mereka diadakan setahun sekali mengikut kalender lunar Cina. Misalnya Sian Choa Ma perayaannya jatuh pada 12 haribulan satu dan Dewa Jee Ma pada 23 haribulan lima. Biasanya perayaan dijalankan di kuil atau di Bio. Ramai orang Cina yang tinggal berdekatan dengan kuil tersebut akan ke sana, tetapi bagi mereka yang tinggal berjauhan dari kuil, perayaan ini disambut secara bergilir-gilir setiap tahun dari satu rumah ke satu rumah. Bagi menentukan rumah siapakah yang patut mengadakan perayaan Dewa ini di<sup>(19)</sup>adakan satu pengundian di hadapan dewa.

---

18) Penduduk Cina Peranakan Peringat biasanya memanggil Ang Kong.

19) Penduduk Cina Peringat memanggilnya Ang Kong Su.

Menurut orang-orang tua Kampung Peringat dewa-dewa ini dahulu merupakan manusia biasa. Tetapi disebabkan mereka telah menjalankan amalan-amalan suci dan menjalankan kebajikan maka roh mereka diangkat ke langit. Roh-roh ini kemudiannya dipuja (20) oleh penduduk Cina. Roh atau dewa ini dianggap orang perantara antara manusia biasa dengan Tuhan. Dewa-dewa ini pula untuk berhubung dengan orang biasa memerlukan Tangki @ Tok Jinjang. Tangki ini akan menurun (trance) dan kemudiannya akan ke meja dan membelah lidahnya dengan sebilah pedang.

Darah yang keluar dari lidah Tangki akan disapu pada kertas kuning yang dipanggil Hu Chua. Dikatakan kertas ini dapat dijadikan azimat dan ditampal di muka-muka pintu. Hu Chua juga dapat digunakan untuk menghalau hantu @ puaka. Di samping menjadi orang perantara, Tangki juga boleh digunakan untuk mengubati penyakit. Dalam komuniti Cina Peringat terdapat 2 orang yang boleh menjalankan tugas Tang ki. Tetapi suatu yang mendukacitakan pengganti Tang ki sukar dicari ganti. Jenerasi muda sekarang tidak berminat dengan peranan itu. Oleh itu suatu hari nanti Tang ki akan terhapus dengan sendirinya. Satu perkara lagi masyarakat Cina menerima sahaja apa

---

20) Dikenali juga sebagai Hock Sai.



yang dikatakan oleh Tang ki tanpa mempersoalkan kebenarannya. Mereka memberi keyakinan penuh pada Tang ki.

Orang-orang Cina juga menyembah tempat-tempat yang dipercayai ada penunggu ataupun tempat yang keramat. Penunggu ini dipanggil Datuk. Datuk ini dihormati dan disembah. Dipercayai jika tidak disembah atau dijamu maka datuk ini akan mengganggu ketenteraman awam. Penyembahan Datuk hanyalah dengan pulut kuning dan seekor ayam panggang beserta dengan kelapa muda, sireh dan teh. Datuk ini juga digunakan untuk menjaga rumah tuannya.

Dalam komuniti Cina Peranakan Peringat terdapat dua atau tiga tempat yang dikatakan ada penunggu atau keramat. Jadi penunggu ini selalu diberi makan atau dipelihara. Kadang-kadang tempat tersebut dijadikan tempat mencari nombor oleh kaki-kaki ekor. Mereka juga percaya kepada hantu yang dipelihara oleh manusia untuk kepentingan tuannya seperti untuk menjaga rumah, menjaga hartabenda dan menyembuhkan penyakit. Hantu raya dan Hala dipelihara oleh bomoh-bomoh Melayu dan pelesit pula dipelihara oleh bidan-bidan kampung.

Jadual 5.1

Tindakan yang dilakukan apabila berlaku  
kemalangan atau kecelakaan.

Bentuk tindakan	Bilangan	Peratus (%)
Panggil bomoh	1	2
Bawa ke hospital	31	62
Panggil bomoh dan bawa jumpa bomoh	18	36
Jumlah	50	100

Jadual 5.2

Kepercayaan pada hantu atau keramat.

Kepercayaan	Bilangan	Peratus (%)
Sangat percaya	3	6
Percaya	21	42
Tidak percaya	26	52
Sangat tidak percaya	0	0
Jumlah	50	100



Jadual 5.3

Pemujaan terhadap hantu atau Penunggu

Kekerapan	Bilangan	Peratus (%)
Kerapkali	3	6
Pernah	6	12
Kadang-kadang	0	0
Tidak pernah	41	82
Jumlah	50	100

Secara umumnya dapat dikatakan penduduk disini lebih suka menemui doktor apabila berlaku kemalangan. Hanya 2 % sahaja yang memanggil bomoh. Ini menunjukkan mereka tidak percaya kepada kebolehan bomoh untuk menyembuhkan penyakit.

Bilangan mereka yang tidak mengadakan pemujaan terhadap hantu adalah tinggi ( 82 % ). Hanya 6 orang sahaja yang pernah melakukan pemujaan dan 3 orang yang kerap kali berbuat demikian. Ramai penduduk disini percaya kepada hantu tetapi tidak mengadakan pemujaan. Ini kerana ada tuan yang memeliharanya. Bilangan mereka yang amat percaya pada hantu adalah 6 %. Ini adalah sama dengan peratusan mereka yang kerap kali mengadakan pemujaan. Sebenarnya penunggu ini adalah di-

warisi dari nenek moyang mereka lagi. Jadi penunggu ini memerlukan penjagaan yang agak rapi. Makanannya tidak boleh diabaikan kerana ia akan mencari mangsanya jika berbuat demikian. Tetapi jika dijaga dengan rapi penunggu ini boleh digunakan untuk menjaga harta benda tuannya. Dari sudut Islam bersahabat dengan hantu atau syaitan adalah dikutuk oleh Tuhan. Namun begitu masih terdapat orang-orang Islam yang memelihara hantu. Ia tidak luput begitu sahaja.

Penjagaan orang nenek moyang mereka merupakan ajaran didalam confucious. Confucious mengajar tentang telakuk baik, etika kelakuan dan wibawa di orang-orang tua. Menyembah nenek moyang dianggap penting dan harus dilakukan oleh setiap orang-orang Cina.

Di bahagian tengah rumah (this) orang-orang Cina ditempatkan sebuah meja kecil (altar) bagi tujuan penyembahan nenek moyang. Di atasnya diatas meja tersebut terdapat 2 bahagian iaitu satu untuk menaruh selak (21) dan satu lagi tempat penyembahan dewa. Di setiap rumah orang Cina terdapat juga Lian (22) yang diletakkan di dinding-dinding.

---

21) Dalam bahasa Hokkien dipanggil Hian Lo.

22) Lian adalah kerpuk yang dipotong panjang dan ditatah di tulah dengan huruf Cina.



### 5.3 Pemujaan nenek moyang

Pemujaan nenek moyang juga merupakan amalan hidup orang-orang Cina. Pemujaan ini dicampuraduk dengan ajaran Taoisme dan Buddhisme. Melalui pemahaman tentang pemujaan ini kita akan lebih memahami tentang agama orang-orang Cina. Pemujaan ini juga diturunkan dari satu generasi bagi memastikan ia tidak luput begitu sahaja.

Pemujaan arwah nenek moyang sebenarnya merupakan ajaran didalam confucious. Confucious mengajar tentang kelakuan baik, etika kelakuan dan menghormati orang-orang tua. Menyembah nenek moyang dianggap penting dan harus dilakukan oleh setiap orang-orang Cina.

Di bahagian tengah rumah (thia) orang-orang Cina ditempatkan sebuah meja khas (altar) bagi tujuan penyembahan nenek moyang. Sebenarnya diatas meja tersebut terdapat 2 bahagian iaitu satu untuk mencucuk colok (21) dan satu lagi tempat pemujaan dewa. Di setiap rumah orang Cina terdapat juga lian (22) yang ditampal di dinding-dinding.

---

21) Dalam bahasa hokkien dipanggil Hian Loa.

22) Lian adalah kertas yang dipotong panjang dan diatasnya di tulis dengan huruf Cina.

Diatas lian ini ditulis dengan kata-kata hikmat supaya keluarga itu sentiasa dijauhi dari gangguan syaitan, ianya juga bertujuan untuk memberi rezeki kepada tuan punya rumah tersebut.

Melalui pemujaan nenek moyang, orang-orang Cina percaya bahawa kehidupan mereka akan sentiasa selamat dan aman damai. Roh nenek moyang dikatakan dapat memberikan pertolongan kepada cucu cicitnya, yang masih hidup. Biasanya mereka percaya jika pemujaan ini tidak dilakukan orang-orang Cina yang masih hidup tidak akan aman hidupnya dan sukar untuk mendapatkan rezeki. Masyarakat Cina juga mengadakan upacara-upacara ualangtahun atau dipanggil choo kee . Upacara ini diadakan di rumah pusaka di mana terdapatnya hiau loa nenek moyang.

Pada hari choo kee diadakan penyembahan berbagai-bagai jenis makanan dan buah-buahan yang diletakkan di atas meja khas, kemudian 2 batang lilin dan satu pelita dinyalakan. Setiap ahli keluarga akan menyembah dengan menggunakan beberapa colok yang bilangannya genap. (biasanya 2 atau 4 batang) sebagai menjemput roh nenek moyang makan. Selepas itu mereka pula akan membakar kertas perak (gin na) di halaman rumah sebagai berakhirnya upacara tersebut. Di samping gin na, duit orang mati juga dibakar untuk kegunaan nenek moyang di tempat mereka.



Setelah ginna di bakar, teh Cina atau arak digunakan untuk mengelilingi pembakaran ginna itu. Tujuannya supaya wang yang dihantar bersama ginna sampai ke nenek moyang.

Berkemungkinan besar upacara Choo kee akan terhapus suatu hari nanti. Perkembangan permodenan dan pendidikan barat menyebabkan wujudnya jenerasi yang lebih berfikiran secara logik. Mereka sekarang kurang mengambil berat tentang hal-hal ini. Jenerasi baru sekarang tidak cuba mengingat tarikh kematian nenek moyangnya. Oleh itu tarikh tersebut akan dilupakan apabila ibubapa mereka meninggal.

Sebuah keranda yang dikenali sebagai 'long' (23) diperbuat daripada kayu yang seti kayu yang moden berbentuk segit segi empat dan dibeli. Kadang-kadang 'long' ini ditengah awal-awal lagi ialah katil di sisi sedang nakil tenat. Kalau di sisi itu orang miskin dan tidak berkemampuan membeli 'long', jiran atau orang kaya akan berinsinasi membantunya. 'Long-melong' begini memang selalu dipraktikkan oleh masyarakat Cina. Harga sebuah 'long' adalah \$500-\$1500 ini bergantung kepada kesantikes dan kualiti serta jenis kayu yang digunakan.

---

23) 'Long' dikenali juga sebagai keranda atau pag dalam loghat Kelantan.

#### 5.4 Upacara-upacara Kematian dan Perkabungan

Mengikut adat sitiadat orang-orang Cina, apabila seseorang itu meninggal dunia, berita kematiannya akan segera dihebohkan kepada saudara mara jauh dan dekat, jiran-jiran dan sahabat handai. Kematian mengikut pandangan masyarakat Cina adalah satu kejadian yang menyedihkan dan setiap ahli keluarga yang terdekat akan menangis tanda kesedihan serta simpati. Menangis ada kaitannya dengan kepercayaan bahawa pada siapa yang akan dapat menjamin kesejahteraan kehidupan simati di akhirat.

Sebuah keranda yang dikenali sebagai 'long' (23) diperbuat daripada kayu balak dan peti mayat yang moden berbentuk empat segi bujur akan dibeli. Kadang-kadang 'long' ini ditempah awal-awal lagi iaitu ketika si mati sedang sakit tenat. Kalau si mati itu orang miskin dan tidak berkemampuan membeli 'long', jiran atau orang kaya akan bersimpati membantunya. Tolong-menolong begini memang selalu dipraktikkan oleh masyarakat Cina. Harga sebuah 'long' adalah \$500-\$1500 ini bergantung kepada kecantikan dan kualiti serta jenis kayu yang digunakan.

---

23) 'Long' dikenali juga sebagai keranda atau pan dalam loghat Kelantan.



Setelah mayat itu dimasukkan ke dalam keranda, ia ditempatkan di ruang tengah rumah (thia), dengan kedudukan kakinya menghala ke pintu besar hadapan rumah. Di hujung kaki pula dipasang lilin yang berwarna putih dan beberapa colok yang dinyalakan oleh orang yang datang mendoakan mayat itu.

Setelah mayat itu diletakkan di ruang tengah, anak cucu akan mulai membakar gin na. Pembakaran gin na akan berterusan pada hari berikutnya sehinggalah mayat diangkat ke tanah perkuburan. Tujuan kertas gin na dibakar supaya menyenangkan roh si mati di akhirat nanti, Wang kertas palsu kadang-kadang dibakar juga untuk kegunaan si mati di akhirat. Sami-sami Buddha dijemput membaca doa pada malam hari atau setiap malam sebelum mayat itu dikebumikan.

Pada hari hendak dikebumikan, keranda diangkat dan diletakkan diatas tanah depan rumah si mati. Biasanya masyarakat Cina lebih suka mengebumikan mayat di waktu pagi (10 pagi). Ini kerana menurut kepercayaan mereka akan memberi sinaran hidup yang lebih cemerlang pada si mati berdasarkan sinaran matahari pagi yang semakin bersinar ke tengahari. Di hadapan rumah, upacara terakhir dijalankan. Anak lelaki yang akan mengetuai upacara itu. Setelah semuanya selesai keranda tersebut diusung atau diletakkan diatas lori untuk dibawa ke tanah perkuburan.

Upacara-upacara kematian bagi orang Cina tua atau orang yang telah beekahwin berbeza dengan orang muda yang masih belum berkahwin. Ong Guan Sai (1981 : 121) menggunakan istilah 'ideal' bagi kematian orang yang berumur atau sekurang-kurangnya mempunyai anak manakala kematian 'tidak ideal' bagi mereka yang belum berkahwin. Ideal disini bermaksud kematian tersebut telah ada perlanjutan dari segi keturunan dan ini dikehendaki oleh masyarakat Cina. Biasanya upacara kematian orang muda ringkas sekali dan kerandanya dibuat dari papan yang berbentuk kotak. (24)

Masyarakat Cina tidak terus mengebumikan mayat si mati pada hari kematiannya. Biasanya dikebumikan pada hari ke 3, selepas kematian kerana hendak menunggu saudara mara si mati yang tinggal jauh menziarahi simati. Mengikut adat orang Cina setelah seseorang meninggal, pakaian asalnya akan ditinggalkan dan seluruh badannya dilap bersih oleh orang tertentu sahaja.

Setelah mayat itu dibersihkan, dia akan dipakainya dengan baju dan seluar, serta kasut yang dibuat khas untuk pakaian orang mati. Bilangan pakaian yang dikenakan keatas mayat adalah ganjil bilangannya seperti lima, tujuh atau sembilan helai. Kerja-kerja memakai pakaian mayat ini dilakukan oleh orang tua atau dipanggil Su Liam (Berita Minggu, 1986 : 15)



Bagi orang Cina Peranakan semasa pengusungan mayat, ianya tidak diiringi oleh muzik. Ini berbeza dengan orang Cina bukan peranakan yang diiringi oleh muzik untuk menghalau hantu syaitan yang sentiasa mengacau si mati. Pemuda-pemuda belum berkahwin dilarang mengusung keranda. Keranda dimasukkan ke dalam liang lahat dengan menggunakan tali.

Kedapatan juga sepasang mayat suami isteri di kebumikan sebelah menyebelah dalam satu kubur. Ini terbukti seperti yang dinyatakan oleh M. Freedman (1959 : 494) 'husband and wives may sometimes be burried in one tomb'. Dalam komuniti Cina peranakan Peringat terdapat satu keluarga sahaja yang berbuat demikian. Ini mungkin sesuai dengan kata pepatah Melayu 'sehidup semati'. Selepas di kebumikan, pada hari-hari berikutnya selama 7 hari ahli keluarga simati akan mengadakan penyembahan nasi (25) untuk simati. Biasanya ini dilakukan disebelah petang oleh anak-anak simati.

Perkabungan (26) adalah diwajibkan kepada orang yang masih hidup. Tujuannya adalah untuk menandakan kesedihan

---

24) Papan yang berbentuk kotak dipanggil Se tay pang atau 4 keping papan.

25) Dalam loghat hokkien disebut Haw Pui.

26) Dipanggil Tuai Haw dalam hokkien.

dan kemuraman diatas suatu kematian. Oleh yang demikian adalah wajar keluarga simati akan meninggalkan kegembiraan buat sementara waktu. Sewaktu dalam berkabung mereka dilarang sana sekali berkahwin atau mengadakan kenduri-kendara. Sebarang jadual perkahwinan terpaksa ditunda sehingga tempoh berkabung tamat.

Adalah menjadi amalan orang yang lebih tua tidak perlu berkabung untuk orang yang lebih muda. Contohnya ayah tidak perlu berkabung kerana kematian anaknya. Serupa juga bagi seorang suami tidak patut berkabung diatas kematian isteri nya. Jadi dapatlah dikatakan proses berkabung mempunyai syarat-syaratnya yang tersendiri. Jika seorang ayah atau ibu yang meninggal, anak lelaki akan berkabung lebih lama dari anak perempuan. Tempoh masa itu mungkin 3 tahun bagi anak lelaki dan 1 tahun bagi anak perempuan. Ini bermakna kaum lelaki lebih lama berkabung dari kaum perempuan.

Pakaian berkabung adalah hitam dan putih. Warna merah dan kuning ditegah kerana ia melambangkan kegembiraan. Biasanya pakaian berwarna hitam dan putih hanya dipakai oleh saudara terdekat simati sahaja, termasuklah anak saudara dan anak-anaknya. Bagi saudara yang jauh, mereka hanya diwajibkan memakai pakaian berwarna hijau, biru atau lain-lain warna asal-kan tidak warna cerah.



Selepas tujuh hari tempoh kematian maka diadakan upacara menyambut tujuh hari (choo chit). Setelah genap setahun diadakan sekali lagi upacara genap setahun (tui nee). Akhir sekali diadakan upacara menyambut 3 tahun kematian bagi menandakan tamatnya tempoh perkabungan. Kesemua upacara-upacara tersebut akan diraikan dan sami-sami dipanggil untuk membaca doa. Setelah tamat tempoh perkabungan anak cucu simati akan mengadakan hari ulangtahun kematian (choo kee) setahun sekali.

Bagi mereka yang berada, batu nisan atau bong pai (27) akan dibuat di kubur simati. Diatas bong pai, ditulis nama simati, tarikh mati dan kadang-kadang sekeping gambar si mati. Bagi yang kurang mampu tidak perlu diadakan bong pai. Tetapi mungkin masalah akan wujud, bagi mengenali yang mana satu kubur si mati. Keadaan ini terjadi apabila wujud jenerasi baru yang tidak tahu lokasi sebenar kubur tersebut.

- 
- 27) Bong pai dibuat daripada batu dan disekeliling kubur di konkritkan dengan simen. Di bahagian depan bong pai akan ditulis nama dan tarikh simati serta gambarnya sekali. Biasanya untuk sebij bong pai memakan belanja \$400 hingga \$700 - bergantung kepada kecantikan kualiti bong pai dan besarnya kubur.

### 5.5 Hari-hari Perayaan

Terdapat berbagai-bagai hari perayaan bagi masyarakat Cina. Diantaranya yang biasa diraikan adalah Tahun Baru Cina, Cheng Beng, May festival, Ghost Festival, Moon-Cake Festival dan Tang Chek. Kesemua perayaan ini mempunyai kaitan dengan ajaran confucious, Taoisme dan Buddhisme. Daripada perayaan-perayaan ini kita juga dapat mengetahui sedikit sebanyak latarbelakang kehidupan masyarakat Cina.

Masyarakat Cina merayakan Tahun baru pada 24.12 sehingga 15.1 mengikut kalendar lunar. Mengikut kalendar biasa (barat), Tahun Baru Cina jatuh pada bulan Januari atau Februari. Pada malam 24.12 Dewa Dapur akan berlepas ke langit untuk membuat laporan mengenai kelakuan setiap ahli keluarga kepada dewa di syurga. Oleh itu sebelum dewa itu berlepas, orang-orang Cina akan menyediakan makanan manis seperti kueh bakul (28) kepada dewa dapur agar ia memberikan laporan yang baik. Upacara ini dikenali sebagai San Sin atau kelepasan dewa. Masyarakat Cina mempercayai dewa dapur berlepas ke langit melalui tebu yang diletakkan di beberapa penjuru rumah.

- 
- 28) Kueh ini dipanggil juga Koi Sung dalam longhat Hokkien. Ianya diperbuat daripada beras pulut, gula dan gandum. Ketiga-tiga bahan ini diadun dan dikukus. Warnanya koko apabila masak.



Adalah sudah menjadi kebiasaan sebelum menyambut Tahun Baru, masyarakat Cina akan membersihkan rumah dan kawasan sekitarnya. Kuih muih dibuat bagi menjamu sahabat-handai yang akan datang menziarahi pada hari tersebut. Pada hari itu juga masyarakat Cina dilarang daripada menyapu rumah ataupun membersihkan pakaian. Ini kerana akan menghalau rezeki dan kebaikan.

Pada malam perayaan masyarakat Cina akan mengadakan penyembahan arwah nenek moyang yang dipanggil Pai Hoi Hia Tee. Biasanya penyembahan ini dilakukan di perkarangan rumah. Setelah itu barulah diadakan jamuan untuk seisi rumah. Pada waktu ini diharapkan semua ahli keluarga dapat berkumpul sambil menikmati makanan bersama-sama. Mana-mana ahli keluarga yang tinggal berjauhan akan pulang ke rumah ibubapanya. Pada malam ini juga ada yang membakar mercun tapi sekarang ianya jarang dilakukan kerana larangan dari kerajaan.

Pada malam ini juga semua ahli keluarga tidak tidur hinggalah menjelang pukul 12 malam. Detik 12 malam di adakan pula upacara menyambut tahun baru atau Pai Nee. Semua ahli keluarga akan menyambutnya. Selepas upacara ini barulah mereka tidur. Adalah dipercayai jika mereka tidur selepas 12 malam, umur ibubapa mereka akan lebih panjang.

Pada hari pertama Tahun Baru, masyarakat Cina digalakan bangun awal-awal lagi. Selepas mandi dan sarapan, anak-anak akan mengucapkan 'Kong Hee Fat Choy' pada ibubapanya dan saudara-maranya. Mereka juga meminta maaf dari ibubapa. Pada pagi itu kanak-kanak akan diberi ang pau (29) oleh ibubapa dan saudara mara yang telah berkahwin. Kanak-kanak juga akan berpakaian baru pada hari itu. Adalah dilarang memukul atau memarahi pada hari itu.

Pada hari ketiga Tahun Baru, masyarakat Cina Kampung Peringat mengadakan upacara Chea sin (30). Perayaan ini akan diadakan di waktu pagi dan di tempat yang agak sunyi dari orang ramai. Bagi komuniti Cina peranakan Peringat setiap tahun mereka akan meraikannya di kawasan bukit seperti di Bukit Keluang (31) di Trengganu. Upacara ini diadakan pada waktu subuh dengan mengusung Tok Kong. Biasanya Tok Kong ini diletakan di atas pengusung Tok Kong dan diusung oleh 4 orang. Pengusung ini diarahkan ke laut kerana mereka percaya dewa-dewa datang dari laut.

---

29. Kertas merah yang isi di dalamnya wang

30. Dipanggil juga menyambut kepulangan dewa



Chap Goo Mei - jatuh pada hari ke 15 Tahun Baru. Ianya diraikan bagi menandakan berakhirnya perayaan Tahun Baru Cina. Pada sebelah malamnya diadakan perarakan Tok Kong. Tok Kong diarak dari sebuah rumah ke sebuah rumah, sambil melangkah api yang menjulang. Menjelang tengah malam barulah perarakan selesai.

Chen Beng disambut pada bulan ke 3 kelendar lunar. Upacara bersembahyang diadakan di rumah bagi memperingati nenek moyang yang telah meninggal. Kebiasaanya seminggu sebelum menjelang Chen Beng, komuniti Cina membersihkan kubur-kubur nenek moyang. Ada juga yang menebas lalang dan menebang pokok-pokok yang meliputi kawasan perkuburan. Ada juga yang mengecat kembali perkuburan. Sebenarnya amalan membersihkan kubur sama seperti yang dilakukan oleh masyarakat Melayu. Sepatutnya kubur ini dibersihkan pada hari Chen Beng tetapi memandang masa yang suntuk dan banyak kubur yang perlu dibersihkan maka mereka lebih suka melakukannya lebih awal. Cuma pada hari Chen Beng masyarakat Cina hanya perlu melekatkan Ginna pada kubur-kubur.

- 
31. Bukit Keluang merupakan kawasan perkelahan yang terkenal di Trengganu. Ianya dikunjungi ramai apabila hari minggu.

Pada hari ini juga terdapatnya orang-orang Cina membuat Bong Pai. Bagi masyarakat Cina yang mayat nenek moyang mereka dibakar, mereka akan ke Bua. Di sana mereka akan member-sihkan dan mengecat semula Bua. Mereka akan menjemput sami-sami membaca dan bersembahyang di Bua.

Perayaan Kueh Chang (32) disambut pada hari kelima bulan mengikut takwin Cina. Pemujaan ini dilakukan bagi mengenangkan hari kematian seorang penyair patriot terkenal iaitu Chu Yuan yang membunuh diri kira-kira 2,200 tahun dahulu di China. Beliau terkenal sebagai perwira dan negarawan yang tinggi di daerah Chu. Rakyat China itu hidup dalam kesusahan dan kesempitan kerana negara itu sering dilanda perang. Chu Yuan menggunakan kuasanya dalam kerajaan mempengaruhi maharaja untuk membantu rakyat. Usaha membaiki taraf hidup penduduk di daerah ini gagal kerana ancaman pegawai-pegawai yang tidak jujur dan rasuah. Ini menyebabkan beliau patah semangat dan bersara dari politik untuk merantau serta menghabiskan masanya bersama rakyat miskin.

- 
32. Kueh Chang sejenis kuih yang dibuat dari beras pulut dibungkus dengan daun buluh dalam bentuk empat segi rupanya seakan-akan kuih palas. Diantara jenis kuih ini adalah Chang telur, Chang daging atau Bak Chang dan Kee Chang (tidak mempunyai isi dan tawar isinya).



Chu Yuan mencipta sajak bagi membangkitkan semangat rakyat untuk terus berjuang bagi menuntut keadilan. Perjuangannya melalui sajak gagal dan kesengsaraan terus mencengkam sehingga akhirnya beliau mengambil jalan terjun ke dalam laut sebagai membantah penyelewengan dalam kerajaan Chun.

Bagi memperingati hari kematiannya masyarakat Cina membuang kuih Chang ke laut untuk menjadi makanan Chu Yuan. Bagi masyarakat Cina Peringat kuih ini tidak dibuang ke laut sebaliknya disebarkan di rumah.

Mengikut kelendar lunar jatuh pada 15.7. Perayaan ini diadakan bagi memperingati roh nenek moyang. Menurut orang-orang Cina, pada hari ini pintu neraka yang ditutup sekian lamanya akan dibuka dan roh-roh dibenarkan pulang kembali menerima makanan.

Biasanya perayaan ini diadakan di hadapan rumah. Makanan dihidangkan di atas meja dan colok pun dinyalakan. Sebelah petangnya pula diadakan penyembahan Hio Hia Tee.

Moon Cake Festival dirayakan pada 15.8 mengikut kalendar lunar. Ketika ini bulan akan mengambang penuh. Ianya juga dipanggil sebagai Poek Goik Pua. Pada hari ini kuih bulan akan disembahkan pada arwah nenek moyang dan dewa-dewa.

Perayaan Tang Chek menandakan bermulanya musim sejuk di China. Pada hari perayaan ini kuih Ee (33) disembahkan pada dewa-dewa. Menurut kepercayaan masyarakat Cina beringat jika 10 hari sebelum atau selepas perayaan ini cuaca baik maka ini menandakan berakhirnya musim tengkujuh.

- 
33. kuih ini dibuat dalam bentuk bulat dan diwarnakan merah dan putih. Kuahnya pula dibuat dari air gula.



## 5.6 Kesimpulan

Agama masyarakat Cina peranakan Kampung Peringat sebenarnya begitu kompleks sekali. Ianya merupakan gabungan daripada 3 ajaran ini yang akan mewarnakan kehidupan orang-orang Cina. Agama memang kuat pengaruh terhadap kehidupan mereka.

Walaupun komuniti Cina Peringat kurang mahir dalam bahasa Mandarin tetapi ini tidak bermakna aspek kepercayaan mereka turut luntur. Agama telah mengekalkan identiti mereka sebagai masyarakat Cina dan menjadi faktor penyatuan etnik masyarakat Cina peranakan dan Cina bukan peranakan berkongsi agama tradisi nenek moyang mereka. Mereka disatukan ke dalam satu sistem ritual yang sama.

BAB 6 KESIMPULAN DAN RUMUSAN

Kajian ini merupakan kajian kes di Kampung Cina peranakan Peringat. Perkampungan ini dikelilingi oleh perkampungan Melayu. Oleh yang demikian sudah pasti akan berlaku proses asimilasi dan akulturasi antara dua kumpulan etnik ini.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah peranan agama dalam mempengaruhi hubungan sosial di kampung Peringat. Agama dikatakan sebagai sempadan etnik yang memisahkan antara orang Cina dengan orang Melayu. Agama dan hubungan etnik sememangnya saling berhubungan dan bergantung antara satu sama lain.

Memandangkan kedudukannya di tengah-tengah masyarakat Melayu, maka ini membolehkan kedua-dua kelompok tersebut berinteraksi secara bersemuka. Hubungan sosial yang rapat itu telah menyebabkan orang Cina di sini menerima unsur-unsur kebudayaan Melayu sebagai sebahagian daripada cara hidup mereka. Dari segi bentuk petempatan perumahan, makanan dan latar belakang dan corak kepimpinan dan politik mereka banyak memperlihatkan



kan persamaan dengan masyarakat Melayu.

Walaupun terdapat perhubungan yang agak rapat dengan orang Melayu tetapi orang Cina peranakan Kampung Peringat tetap mempertahankan identiti kecinaan mereka. Mereka juga membezakan diri mereka dari orang Melayu tempatan melalui kegiatan-kegiatan yang berlainan. Pengekalan adat istiadat dalam sistem perkahwinan dan peranakan membuktikan mereka masih lagi Cina. Boleh dikatakan juga pemeliharaan babi dan anjing dapat membezakan orang Cina di sini dengan orang Melayu tempatan. Penduduk Cina ini juga mempunyai persatuan-persatuannya sendiri yang dianggotai oleh hanya orang-orang Cina. Tujuan utama penubuhan persatuan ini hanyalah untuk kepentingan penduduk di situ sahaja. Orang-orang Cina Kampung Peringat tidak berminat untuk menganggotai persatuan-persatuan yang wujud di dalam kampung Peringat. Oleh itu dapatlah dikatakan orang-orang Cina peranakan ini masih kuat semangat kecinaan mereka.

Faktor agama juga dikatakan sebagai alat untuk mengekalkan identiti kecinaan mereka. Agama dapat dianggap sebagai sempadan etnik yang penting. Clammer menyatakan,

Religion is one of the mechanism that defines and mantains ethnic boundaries in Southeast Asia. (1980 : 45)

Mohd. Taib Osman (1986 : 35) memperlihatkan keadaan yang sama.

Satu lagi tembok yang kukuh yang memisahkan antara penduduk Melayu dengan Cina peranakan ialah agama.

Satu persoalan yang menarik hati ialah orang Cina yang tinggal di samping orang Melayu sanggup menginteraksikan ciri-ciri budaya tempatan sehingga mereka mencipta satu identiti budaya yang tersendiri. Mereka tetap berbudaya asal tetapi berbeza dengan orang Cina yang baru berhijrah yang digelar 'singkeh' atau 'totok'.

Orang-orang Cina peranakan telah mencipta budaya Cina dalam iklim Tanah Melayu, kerana dari segi bahasa, pakaian dan setengah-setengah adat resam mereka menyerupai orang Melayu. Cuma dari segi agama, mereka tetap dengan agama mereka, dan selepas beratus tahun, beberapa keratlah yang menjadi Melayu dengan memeluk agama Islam. Dalam pengertian sosiologi mereka telah menurunkan sempadan kecinaan mereka, tetapi tidak sampai ke tahap diasimilasikan oleh masyarakat Melayu.



Perlu ditegaskan juga bahawa budaya tradisional yang lebih mempunyai tembok-tembok yang memisahkan antara budaya kalau dibandingkan dengan budaya moden. Adalah tidak mungkin budaya tradisional diasimilasikan ke dalam budaya Melayu, selagi budaya Cina mempunyai kepercayaan yang bercanggah dengan agama Islam. Oleh yang demikian dapat dikatakan tiap-tiap masyarakat hidup dalam sempadan budayanya masing-masing. Di dalam Kampung Peringat memang dapat dikenali tempat-tempat yang diduduki oleh orang Cina peranakan dan tempat-tempat yang diduduki oleh orang Melayu. Sebagai contohnya keadaan atau bentuk rumah orang Melayu. Walaupun bentuk rumah orang Cina Kampung Peringat banyak yang mengalami perubahan tetapi rumah orang Melayu tidak mempunyai tempat menyembah atau altar.

Kegiatan sosial terutama yang merupakan keramaian di mana simbol-simbol perpaduan menonjol adalah dalam lingkungan budaya masing-masing dan jarang merupakan interaksi antara budaya. Kalau adapun partisipasi pendukung-pendukung budaya asing, tetapi ianya sangat terhad dan jarang-jarang berlaku.

Di dalam komuniti Cina peranakan Kampung Peringat, bukti yang jelas menunjukan agama sebagai penghalang atas sempadan etnik adalah sebagai penghalang terhadap perkahwinan campur. Dalam kajian di Kampung Peringat didapati 100% responden menegah anaknya memeluk Islam. Perkahwinan antara orang Cina dengan orang Melayu terdapat unsur-unsur kekecewaan dan merasa malu di pihak ibubapa Cina. Masyarakat Cina melupai atau tidak mengambil tahu terhadap individu yang Islam. Orang Cina yang memeluk Islam juga terpaksa meninggalkan kampung halaman dan memutuskan hubungan dengan komuniti asal mereka. Hir Schman (1975 : 11) menjelaskan agama adalah rintangan kepada perkahwinan campur antara orang Cina dengan orang Melayu.

"The most explanation of the inter marriage of the interethnic marriage is the religious barrier".

Bagi menunjukan penentangan terhadap perkahwinan campur dengan orang Melayu, di bawah ini diturunkan satu kes:

"Dalam keluarga 'Koh' terdapat enam orang adik beradik. Daripada enam itulah ada



dua orang cuba memeluk Islam melalui perkahwinan. Dua orang mereka ini adalah seorang lelaki dan seorang perempuan. Hampir 99% rancangan anak itu berjaya tetapi disebabkan berbagai ikhtiar dilakukan oleh ibubapa mereka menyebabkan rancangan mereka itu gagal. Di antara ikhtiar-ikhtiar tersebut adalah mencari bomoh Siam dan menyiasat tempat persembunyian anak-anak mereka dan akhirnya sekali si ibu menangis selama seminggu di tepi paya. Akhirnya rancangan si anak itu gagal."

Daripada kes di atas membuktikan bahawa sememangnya masyarakat Cina peranakan Kampung Peringat melarang anaknya memeluk Islam. Di antara sebab-sebab yang diberikan oleh responden kenapa mereka menentang anak-anak mereka masuk Islam adalah agama yang berbeza, dari asal lagi keturunan mereka dari orang Cina dan kerana kasihkan anaknya. Didapati ramai orang Cina Kampung Peringat yang memeluk Islam kehidupan mereka yang pulang ke rumah ibubapa mereka semula meminta wang.

Oleh yang demikian sekali lagi dikatakan agama merupakan sempadan etnik dalam perhubungan antara orang Cina dengan orang Melayu di Kampung Peringat. Agama juga menghalang berlakunya proses asimilasi dan intergrasi yang lebih pesat antara dua kumpulan etnik yang berbeza.



#### KETERANGAN:

Upacara Persembahan Basyirah oleh Peranakan  
Kampung Peringat. Upacara ini dijalankan di  
balai raya rumah simati.



LAMPIRAN GAMBAR



KETERANGAN:

Upacara Perkebumian Masyarakat Cina Peranakan  
Kampung Peringat. Upacara ini dijalankan di  
halaman rumah simati.



KETERANGAN:

Upacara Pengkebumian di kubur. Lihat pakaian waris simati. Mereka yang memakai pakaian serba putih dan seluar hitam adalah waris terdekat si mati.





KETERANGAN:

Upacara Chia Sing. Lihat Tok kong yang diletakkan diatas meja. Lihat juga pengusung dicat merah dengan kepalanya berbentuk naga.



KETERANGAN:

Pemuda-pemuda sedang mengusung Tok kong dalam satu upacara keagamaan.





KETERANGAN:

Upacara Pertunangan Masyarakat Cina Peranakan Kampung Peringat. Upacara ini dijalankan di bahagian tengah rumah (thia). Kelihatan tulisan-tulisan Cina di dinding di panggilan.



KETERANGAN:

Semasa kenduri kahwin pakaian golongan remaja adalah jeans sahaja. Lihat pula pakaian golongan tua yang memakai kain batik.



## BIBLIOGRAFI

1. Amyot, Jacques, 1972 The Chinese and National Intergration In Southeast Asia  
Institute of Asian Studies,  
Faculty of Political Science,  
Bangkok.
2. A.R Zahari 1984 "Kearah Perpaduan Nasional, Ciri-ciri dan perlaksanaannya."  
Jilid VIII, Bil 1, Februari,  
Jabatan Perpaduan Negara. JPM
3. Barth Frederick 1969 "Introduction" in Ethnic Groups and Bounderies : the social Organization of Culture Difference (ed); F. Barth  
London, George Allen and Unwin
4. Bash, Harry 1979 Sociology : Race and Ethnicity  
Gordon and Brach, New York.
5. Brewton , Berry 1965 Race and Ethnic Relations,  
Boston, Houghton.
6. Cheng Lim Keak 1969 The Chinese Community in Kulim Town : Case study of chinese Sosial, Economic, cultural and political Activities in West Malaysia, Tesis M.A University of Wallington.

7. Clammer, J.R  
1980  
Ambiguity of Identity : Ethnicity  
Maintenance and change among the  
THE Straits chinese community  
of Malaysia and Singapore,  
Singapore University.Press.
  
8. Cox, o.c,  
1959  
Caste, class and Race, Monthly  
Review press, New York.
  
9. Freedman, Maurice  
1955  
The chinese in South East Asia.  
In Race Relation in world  
perspective, (ed) Andrew W. Lind  
University of Hawaii, Honolulu.
  
10. Golomb, Louis  
1978  
Brokers of Morality : Thai Ethnic  
Adaptation In A Rural Malaysia  
Setting, the University press  
of Hawaii.
  
11. Gosling, L.A.P  
1964  
"Migration and Assimilation of  
Rural Chinese in Terengganu",  
Dalam Malayan and Indonesian  
Studies : Essay presented to  
Sir Richard Winstadt on his eighty  
- Firth Birthday (eds), John  
Bastin and R. Rooivink, Oxford  
University, London.
  
12. Hanapi Dollah  
1983  
"Komuniti Cina di kampung Matair  
Kelantan ; Suatu kajian  
Assimilasi sosial budaya dalam  
Mohd Taib Osman dan Wan Kadir  
Yusof, Kajian Budaya dan  
Masyarakat di Malaysia, DBP



13. 1978 Komuniti Cina di kampung di  
Tebing Sungai Kelantan : satu  
kajian cara hidup kelompok yang  
Berassimilasi dengan Masyarakat  
Melayu, Tesis M.A, University of  
Malaya.
  
14. Hassan Taib, 1976/77 Masalah assimilasi Cina-Muslim  
Ke dalam Masyarakat dan Budaya  
Melayu. Satu kajian kes di  
Sungai Way New Village di Selangor.  
Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi  
dan Sosiologi, Universiti Malaya.
  
15. Hirschman, Charles 1975 Ethnic and Social Stratification  
In Peninsular Malaya, American  
Sociological Association,  
Washington D.C.
  
16. Hunter, Guy 1966 South East Asia, Race, Culture  
and Nation, Oxford University  
press, London.
  
17. Ismail Kassim, 1974 Problems of Elite Conesion : A  
sperspective from a minority  
community, Singapore University  
press, Singapore.
  
18. Mohammed Aris bin Hj Othman. 1977 Ethnic Identity In Malay  
Community in Malaysia, Tesis  
Ph D University of Ilinios.
  
19. Mohd Taib Osman 1986 "Integrasi dan Assimilasi Budaya  
Tradisional", Negara, jilid X,  
Bil 2, Julai, Jabatan Perpaduan  
Negara, JPM
  
20. Newel, W.H 1962 Treacherous River, A study of  
Malaya press, Kuala Lumpur.

21. Ooi Jin Bee  
1968  
Bumi, Penduduk dan Ekonomi di Tanah Melayu, DBP Kuala Lumpur.
22. Ong Guan Sai,  
1981 / 82  
Cina Peranakan Kelantan : Satu Kajian Sosiologi terhadap Perlanjutan Identiti Etnik di Mukim Tendong, Pasir Mas, Kelantan, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
23. Tan Chee Beng,  
1979  
Baba and Nyonya : A study of Ethnic Identity of the Chinese Peranakan di Malacca. Tesis Ph D, University Cornell.
24.  
1984  
"Accultural, Assimilation and Integration : The case of the Chinese" Dalam Syed Husin Ali Kaum Kelas dan Pembangunan Malaysia, Persatuan Sains sosial Malaysia, Kuala Lumpur.
25.  
1982  
Peranakan Chinese in Northeast Kelantan with special Reference to Chinese Religion, Journal of The Malaysian Branch of the Royal, Asiatic Society, 55 (Part 1).
26. Teng Chew Pen,  
"Sains sosial dan Integrasi National", Negara, jilid IX, Bil 1, Februsri, Jabatan Perpaduan Negara, JPM



27. Robert Winzeler, "The Ethnic status of the Rural Chinese of the Kelantan plain" Dalam L.A Peter Gosling and Linda Y.C Lim, the chinese in Southeast Asia, Maruzen Asia Singapore, Volumez.
28. Ethnic Groups and the Control of Natural Resources in Kelantan, Malaysia, Department of Antropology University of University of Nevada Reno, Nevada.  
1985
29. Zainal Kling, "Kesedaran Nilai Budaya National : Negara, Jilid X, Bil 1, Februari, Jabatan Perpaduan Negara JPM  
1986

AKHBAR-AKHBAR

KUALA LUMPUR

1. Berita Harian, khamis, 5 Februari, 1987
2. Berita Harian, Sabtu, 7 Jun, 1986
3. Berita Minggu, Ahad, 13 Julai, 1986
4. Utusan Malaysia, Isnin, 26 Februari, 1987

W. Umur: \_\_\_\_\_

a. Taraf Perkahwinan: \_\_\_\_\_

b. Bangsa: \_\_\_\_\_

c. Agama: \_\_\_\_\_

d. Jantina: \_\_\_\_\_

2. Hubaya

	<u>Bapa</u>	<u>Ibu</u>
a. Nama:	_____	_____

b. Kg. Asal:	_____	_____
--------------	-------	-------

c. Bila ke sini:	_____	_____
------------------	-------	-------

B. Taraf Pendidikan

1. Aliran persekolahan: \_\_\_\_\_

2. Kelulusan: \_\_\_\_\_

3. Sebab meninggalkan sekolah: \_\_\_\_\_

4. Penguasaan bahasa:

- i. Melayu \_\_\_\_\_
- ii. Cina (mandarin, Hokkien, Kantonis, dll) \_\_\_\_\_
- iii. Inggeris \_\_\_\_\_
- iv. Lain-lain nyatakan \_\_\_\_\_